

## ***Laporan Persidangan***

### **PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KEDUA**

#### **DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS**

---

***Hari*** : ***22 Julai 2008 (Selasa)***

***Tempat*** : ***(Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang)***

***Jam*** : ***9.30 Pagi.***

---

Speaker (YB. Tuan Abdul Halim bin Hussain)  
Ahli Kawasan Air Putih (YAB. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri  
Ahli Kawasan Penanti (YB. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin) –  
Timbalan Ketua Menteri I .  
Setiausaha Kerajaan Negeri (YB. Dato' Jamaludin bin Hasan)  
Penasihat Undang-undang Negeri (YB. Puan Faiza bt. Zulkifli)  
Pegawai Kewangan Negeri (YB. Dato' Supiah bt. Md. Yusof )  
Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) –  
Timbalan Ketua Menteri II.

- “ Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow)
- “ Batu Maung (YB. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
- “ Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng)
- “ Batu Lancang (YB. Tuan Law Heng Kiang)
- “ Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh)
- “ Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang)
- “ Air Itam (YB. Tuan Wong Hon Wai)
- “ Berapit (YB. Puan Ong Kok Fooi)
- “ Machang Bubuk (YB. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan  
Speaker
- “ Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai)
- “ Sungai Bakap (YB. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
- “ Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
- “ Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd  
Rahman)
- “ Komtar (YB. Tuan Ng Wei Aik)

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Tuan Yeoh Soon Hin)  
“ Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu)  
“ Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)  
“ Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng)  
” Kebun Bunga (YB. Tuan Ong Khan Lee)  
“ Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen)  
“ Pantai Jerejak (YB. Tuan Sim Tze Tzin)  
“ Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)  
“ Sungai Pinang (YB. Tuan Koid Teng Guan)  
“ Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee)  
“ Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat)  
“ Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)  
“ Penaga (YB. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim)  
“ Telok Bahang (YB. Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)  
“ Telok Ayer Tawar (YB. Dato’ Hajah Jahara bt. Hamid)  
“ Bayan Lepas (YB. Tuan Syed Amerruddin bin Dato’ Syed Ahmad)  
“ Sungai Dua (YB. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed)  
“ Pinang Tunggal (YB. Dato’ Haji Roslan bin Saidin)  
“ Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)  
“ Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)  
“ Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)  
“ Sungai Acheh (YB. Dato’ Mahmud bin Zakaria)  
“ Bertam (YB. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

## **TURUT HADIR**

Encik Rosmin bin Yaakob - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

***Dewan mula bersidang pada jam 9.35 pagi.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Tuan Speaker.

Doa.

**YB. Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula. Usul daripada YB. Ahli Kawasan Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai):**

YB. Tuan Speaker. Saya mohon mencadangkan bahawa kami YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon untuk mengucapkan terima kasih kepada TYT. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan telah melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Yang Kedua, Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keduabelas pada 21 Julai 2008. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan rakyat Pulau Pinang kerana memberi peluang untuk pakatan rakyat mentadbir Kerajaan Pulau Pinang kali ini dan tidak lupa saya mengucapkan terima kasih ke atas penduduk-penduduk dan pengundi-pengundi di kawasan Pulau Tikus.

YB. Tuan Speaker, Negeri Pulau Pinang harus bersedia untuk pembangunan berterusan ...(dengan izin), *sustainable development economic* adalah isu yang terpenting di sesebuah negara. Sebelum 4 Jun 2008, YAB Perdana Menteri, Abdullah Badawi telah berjanji bahawa harga petrol di negara kita tidak akan naik sehingga bulan Oktober 2008 tetapi Perdana Menteri tidak menepati perjanjiannya. Pada 5 Jun 2008 iaitu hari keesokan, harga petrol telah pun naik dengan terlampau tinggi. Kenaikan harganya sebanyak 78 sen dari RM1.92 hingga RM2.70 seliter. Isu kenaikan harga petrol ini telah menghancurkan kepercayaan rakyat kepada Perdana Menteri. Ini kerana ia memberikan satu bayangan yang jelas bahawa beliau belum merancang rancangan ekonomi dengan teliti dan mengabaikan kebajikan rakyat.

Kenaikan harga petrol ini telah membebankan rakyat melalui masalah inflasi yang teruk. Ini disebabkan oleh kenaikan harga petrol telah mengakibatkan kenaikan harga-harga barangan yang memerlukan petrol seperti infrastruktur, pengangkutan dan lain-lain. Justeru, peniaga-peniaga terutamanya sederhana dan kecil tidak dapat bersaing dan terpaksa menamatkan perniagaan mereka. Memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak berdaya menggalakkan kenaikan harga petrol. Ini kerana perkara tersebut dikuasai oleh Kerajaan Persekutuan, akan tetapi kerajaan Pulau Pinang berusaha dan bersedia menghadapi kesusahan ini bersama rakyat, tidak ada sebarang wang yang akan dibazirkan dan disalahguna.

YB. Tuan Speaker, Negeri Pulau Pinang memang mempunyai faktor-faktor yang mencukupi untuk bersaing dengan negara-negara yang mampu mahu pun negeri-negeri yang lain. Kedudukan yang strategik, kemudahan infrastruktur yang lengkap, sumber manusia yang berpendidikan tinggi dan cukup mahir, kekayaan semulajadi dan lain-lain adalah aset-aset Negeri Pulau Pinang. Akan tetapi ramai pelabur agak kecewa dengan prosedur-prosedur yang terlampau kompleks dan memakan masa. Untuk menghadapi masalah tersebut, saya memberikan pandangan saya seperti berikut. Dalam perusahaan, saya difahami bahawa Kerajaan Negeri mengadakan satu badan *one sto....*(dengan izin), untuk menyelaraskan pihak berkenaan iaitu investPenang. InvestPenang memainkan peranan yang penting kerana ia berperanan sebagai *vendor ....*(dengan izin), di antara pelabur asing dan kerajaan tempatan. Saya harap kerajaan dapat mempertimbangkan peranan dan kepentingan investPenang ini supaya dapat meringkaskan prosedur dan menjimatkan masa dengan memberikan lebih kuasa kepada investPenang. InvestPenang harus mempunyai kuasa persidangan dengan pihak-pihak agensi kerajaan yang berkenaan dan seterusnya dapat membuat keputusan dengan cepat.

Di samping itu, kerajaan harus mengadakan rancangan-rancangan yang meningkatkan kuasa persaingan SME dan SMI tempatan. Ini adalah agar mereka dapat bergerak pantas untuk membekalkan produk-produk yang diperlukan dengan tepat. Ini akan mengurangkan masa pertubuhan perniagaan pelaburan asing dan justeru ini mengurangkan risiko pelabur. Peniaga tempatan akan pun dapat lebih keuntungan dari segi ini. Dalam zaman teknologi yang berubah pantas ini, Kerajaan Negeri seharusnya mementingkan

pendidikan rakyat dengan meningkatkan taraf pendidikan dan mengadakan program-program latihan semula segala rakyat tidak kira kaya, miskin, umur, jantina dan kaum akan diberi peluang mendapatkan ilham perkembangan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Ia pasti akan mengurangkan bebanan sosial dan akan memberi faedah kepada peralihan ekonomi yang terbaru. Sekian ini mendapatkan ikon jenama barangan dan kreatif peniaga tempatan, Negeri Pulau Pinang boleh mewujudkan ekonomi tersendiri untuk manfaat ekonomi Negeri Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang patut mementingkan dan menitikberatkan perkembangan-perkembangan ini. Sebarang produk-produk ikon jenama dan kreatif pasti akan membawa nama harum Pulau Pinang dan kekal membawa faedah kepada negeri ini.

YB. Tuan Speaker, balik kepada kawasan Pulau Tikus. Pulau Tikus bagaikan bayangan Negeri Pulau Pinang ia merupakan kawasan yang permai. Tambahan pula, ia merupakan tempat tumpuan urusan perniagaan, pelancongan, pusat perubatan, pendidikan, perhotelan dan tempat rekreasi, pusat makanan dan perumahan. Namun begitu, Pulau Tikus juga menghadapi masalah-masalah yang serius. Masalah utama yang dihadapi di kawasan ini ialah masalah keselamatan rakyat dan masalah trafik. Masalah tersebut bukan sahaja wujud di kawasan Pulau Tikus tetapi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Kawasan Pulau Tikus adalah sebanyak empat pusat perubatan yang terkenal di antarabangsa. Di kawasan yang berdekatan juga terdapat pusat khas yang merawat penyakit barah, kanak-kanak dan mata. Pusat-pusat ini telah menarik pesakit dan pelancong dari luar dan dalam negara. Sumbangan dalam bidang perubatan ini kepada ekonomi Pulau Pinang selama ini tidak dapat dipadankan yang penting sekali ialah bagaimana hendak mengekalkan perkembangan ini dan meningkatkan kemajuan ini dengan keadaan lebih puas hati. Masalah yang menjejaskan kejayaan ini ialah masalah keselamatan rakyat. Difahamkan bahawa jenayah rompakan selalu berlaku di kawasan berdekatan pusat perubatan. Ramai penduduk tempatan telah pun menjadi mangsa rompakan, malahan pesakit-pesakit luar negara dan ahli keluarga mereka telah menjadi sasaran perompak-perompak. Kes rompakan yang kian bertambah ini telah membimbangkan rakyat selagi pihak polis tidak dapat menghapuskan kes perompak di kawasan ini.

Saya sebagai ADUN kawasan Pulau Tikus ingin merayu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merancang pelan dan strategik intensif supaya cara hidup dan kediaman rakyat Pulau Tikus dapat dijamin dan seterusnya keselamatan pelancong juga dapat dijamin. Jikalau pelan-pelan intensif membanteraskan kes-kes jenayah dan rompak oleh pihak polis dapat dilaksanakan dengan baik saya yakin bahawa Negeri Pulau Pinang akan dapat reputasi yang cukup baik di seluruh negara jiran dan di seluruh dunia. Sekarang adalah masa yang terbaik untuk Negeri Pulau Pinang mendapatkan reputasi yang terbaik kerana selaras dengan penerima warisan UNESCO mereka yang akan mempamerkan kedudukan Negeri Pulau Pinang di peta pelancongan seluruh dunia.

YB. Tuan Speaker, saya mencadangkan bahawa. Satu, mengadakan rondaan polis dengan berjalan kaki, berbasikal dan bermotosikal di kawasan-kawasan yang sering menjadikan kawasan jenayah dan rompak terutama sekali di kawasan yang berdekatan dengan pusat perubatan dan hospital. Kaedah ini akan menakutkan dan mengurangkan perompak. Kedua, membahagikan zon di KADUN kepada zon yang kecil, setiap pegawai polis bertanggungjawab untuk zon masing-masing dan mengadakan hubungan yang rapat dengan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Setiap penduduk di kawasan tersebut harus mengenali pegawai polis yang bertanggungjawab ini. Pegawai polis akan bertanggungjawab ke atas keselamatan zon kecil ini. Untuk kejayaan menghapuskan jenayah di kawasan bukan sahaja tanggungjawab pihak polis tetapi juga kerjasama daripada penduduk-penduduk. Memang sebagai seorang ADUN Kawasan Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai):**

Tidak bagi. Memang sebagai seorang ADUN Pulau Tikus saya dengan sukarelanya menjadi penyelaras bagi keselamatan antara pihak polis dengan penduduk-penduduk. Ekonomi kita akan terjejas sekiranya masalah keselamatan tidak dapat diperbaiki, pelabur asing dan pelancong asing akan hilang keyakinan dan seterusnya tidak ada menjejak langkah ke Negeri Pulau Pinang. Keadaan ini akan memburukkan lagi ekonomi Negeri Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, masalah kesesakan lalu lintas merupakan satu lagi faktor yang menjejaskan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Keadaan kesesakan lalu lintas yang teruk terutama di kawasan Pulau Tikus. Dari Tanjong Bunga sampai ke KOMTAR melalui laluan Gurney, Jalan Kelawai, Jalan Burmah adalah sentiasa sesak pada masa lepas sekolah dan kerja, jalan-jalan tersebut akan sesak sehingga kenderaan tidak dapat bergerak langsung. Kawasan-kawasan lain di Negeri Pulau Pinang juga mengalami masalah yang sama terutama di kawasan berdekatan dengan perkilangan, perniagaan dan sekolah-sekolah. Untuk menyelesaikan masalah trafik, Kerajaan Negeri perlu merancang satu sistem pengangkutan yang terunggul termasuk bas awam, monorel, teksi, jalan laluan basikal, jambatan kedua PORR dan lain-lain. Dari infrastruktur ke penggubalan undang-undang ini akan membentuk sistem pengangkutan yang terunggul. Sistem ini bukan sahaja dapat mengurangkan bilangan kenderaan di jalan raya, ia akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Dalam jangka masa yang pendek kerajaan harus menggunakan sumber yang sedang, sedia ada untuk memperbaiki masalah lalu lintas. Selain daripada itu, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut bertindak secepat mungkin untuk memperkenalkan dan menyelesaikan kesesakan lalu lintas yang tetap untuk 20 tahun sekurang-kurangnya yang akan datang. Dengan demikian, segala kesesakan lalu lintas dan kegagalan sistem trafik Negeri Pulau Pinang akan diatasi dengan penuh kejayaan. Saya memang bersetuju jika masalah trafik diperbaiki dan selesai ekonomi kita akan bertambah maju.

YB. Tuan Speaker, selepas kerajaan baru ditubuhkan Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan prinsip pentadbiran baru iaitu prinsip CAT yang mengutamakan daya saingan yang bertanggungjawab dan ketelusan. Prinsip CAT mendapat persetujuan dan sokongan penuh daripada rakyat kepada kerajaan baru ini. Prinsip CAT ini juga perlu dijadikan prinsip kakitangan kerajaan dan diikuti oleh semua pihak pengurus dan pihak pelaksanaan. Hanya dengan sefahaman para wakil rakyat dan rakyat dan kerjasama para pegawai barulah konsep CAT ini dapat dilaksanakan dengan berjaya. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini jabatan dan agensi kerajaan masih belum mencapai matlamat dan misi konsep CAT. Saya yakin bahawa kakitangan kerajaan akan mencapai matlamat mengikut prinsip CAT ini pada masa yang akan datang.

Kerajaan harus menjalankan siasatan yang mengutamakan kajian dan *infrastructuring* ...(dengan izin) sistem aliran kerja di pejabat-pejabat Kerajaan Negeri, ini akan menambahkan *effectiveness and efficiency* (dengan izin). Mementingkan usaha untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan hasil kerja yang pantas, mengurangkan kesilapan teknikal atau kecuai, mengamalkan pengurusan yang bersistematik. Dengan ini menghapuskan sikap acuh tak acuh dan jenayah rasuah, membentuk imej baru dan menggerakkan mengaktifkan jabatan dan agensi kerajaan serta mewujudkan satu kerajaan baru yang bermaruah, bersistematik dan berkualiti tinggi.

YB. Tuan Speaker, untuk perkembangan berterusan dapat dijamin di Negeri Pulau Pinang. Perlindungan alam sekitar perlu dijadikan unsur penting yang diutamakan. Konsep bandar hijau dan kualiti hidup haruslah dikekalkan diperkenalkan kepada orang ramai. Perlindungan alam sekitar dan mendirikan bandar hijau memerlukan usaha dan hasrat yang banyak. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa cadangan seperti di bawah.

Kebersihan dan kesihatan merupakan syarat terpenting sebagai bandar yang berkualiti. Oleh itu Kerajaan Tempatan perlu menambahkan bilangan kakitangan kerajaan dan mengawasi kerja kontraktor supaya menyempurnakan tugas mereka. Menambahkan pokok bunga menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah bandar hijau yang berbau wangi. Kerajaan perlu menggubalkan undang-undang supaya mengharamkan penggunaan plastik beg dan *polyform* supaya usaha melindungi alam sekitar dan bumi kita dapat diteruskan. Menggalakkan peniaga meningkatkan suhu hawa dingin supaya mengurangkan gas monokarbon dan karbon CFC yang dilepaskan ke zon atmosfera. Tambahan pula peniaga dapat menjimatkan kos elektrik dan mengurangkan penggunaan tenaga. Saya yakin kerajaan memang ada rancangan untuk perlindungan alam sekitar dalam Negeri Pulau Pinang. Dengan usaha-usaha yang tersebut dalam ekonomi, keselamatan rakyat, trafik, urus tadbir dengan prinsip CAT dan perlindungan alam sekitar, saya yakin kerajaan baru ini akan mencapai matlamat pembangunan berterusan di Negeri Pulau Pinang dan menguntungkan rakyat Pulau Pinang. Dengan ini saya memohon mencadang. Sekian terima kasih.



**YB. Tuan Speaker:**

Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Tuan Maktar bin Haji Shapee):**

YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong cadangan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana berkenan melafazkan ucapannya dalam Dewan yang mulia ini. YB. Tuan Speaker, saya juga memohon memberi ucapan sokongan. Ahli-Ahli Yang Berhormat ucapan saya mungkin agak berlainan daripada apa-apa yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi masih berkaitan dengan apa yang diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Tun. Apa yang telah diucapkan dan akan diucapkan itu saya merasakan itu mengenai benda, yang mengurus benda itu adalah manusia dan saya ingin menekankan tentang manusia.

Insya-Allah kerana apa yang diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Tun dalam akhir ucapan perasmian beliau kalau boleh kita ingat atau kalau boleh saya ulang balik ucapan beliau iaitu "Sekali lagi saya menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat agar menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat dengan ikhlas, jujur dan berhemah demi kepentingan negeri yang kita cintai." Segala projek atau pun perancangan secantik manapun, ia tidak akan berjalan dengan lancar dan mencapai kejayaan tanpa ada kesungguhan atau keikhlasan, kejujuran dan berhemah sebagaimana yang disyor oleh Tuan Yang Terutama Tun. Seruan beliau ini merupakan seruan kepada semua kita, pihak kerajaan mahupun pembangkang, jabatan-jabatan malah semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Perkhidmatannya juga harus diberi kepada semua lapisan rakyat.

Jadi, tidak kira kumpulan mana, tanpa mengira kaum, pegangan agama, fahaman politik kerana mereka semua adalah rakyat Negeri Pulau Pinang dan sebahagian besar mereka semua telah memilih kita untuk mewakili mereka memperbaiki masa depan kehidupan mereka dari utara hingga ke selatan, dari Pulau hingga ke seberang, semuanya rakyat kita dan kita telah diamanahkan sebagai wakil-wakil mereka.

Perkhidmatan yang jujur yang diberi haruslah terbit dari hati yang ikhlas. Begitu juga segala perancangan yang kita buat haruslah ikhlas untuk apa? Bagi orang-orang Islam khususnya memanglah keikhlasan itu dikaitkan dengan perintah Allah Subhanahu Wataala bertanggungjawab terhadap Allah Subhanahu Wataala dan menentukan besar, kecil pahala itu juga berdasarkan keikhlasan dan kejujuran, jujur kita buat program itukah, program inikah, projek itukah, projek inikah, perancangan itukah, 10 tahunkah, 20 tahun kedepankah adalah berasaskan kejujuran, bukan untuk dua tiga tahun, untuk faedah diri, faedah parti, faedah kumpulan tertentu. Ia seharusnya meliputi. Terbit dari hati yang suci, secara jujur dan berhemah, ini berbudi pekerti yang tinggi, ini baru gaya pemimpin. Untuk mencapai saranan tersebut, juga sesuai dengan minat Y.A.B. Ketua Menteri kita ingin menerapkan nilai-nilai pentadbiran Umar Abdul Aziz, kita harus mengambil beberapa pendekatan yang saya kira sesuai pada pagi ini kita bincangkan.

Pendekatan pertama yang perlu diambil oleh setiap kita adalah pendekatan bekerjasama, tolong menolong. Biasa kita dengar, macam perkataan biasa tetapi biasa dengar tidak biasa dipraktik. Tolong menolong. Yang kedua, nasihat menasihati sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala ....(dengan izin), YB. Tuan Speaker, Firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah Al-Maidah ayat 2 ..(baca ayat Al-Quran)... inilah yang diamalkan oleh pentadbiran Umar Abdul Aziz ertinya "Hendaklah kamu bertolong-tolongan atas kebaikan dan kebaktian dan jangan kamu bertolong-tolongan atas dosa dan permusuhan. Jangan buat kerja jadi dosa, jangan buat kerja jadi musuh. Kita mahu tidak mahu sekarang kita telah menjadi wakil kepada rakyat-rakyat kita. Kita kena fikir bagaimana hendak buat kebaikan dan hendaklah takut kepada Allah.

Berbalik kepada keikhlasan, kejujuran. Takutlah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah sangat keras siksanya. Kalau Dia bagi nanti, tiada hulubalang yang sanggup menepis bala yang diturunkan, sebab itu kita kena berhati-hati, beringat-ingat. Apa yang kita cakap, apa yang kita rancang, dengan siapa yang kita berdepan, sebenarnya bukan kita berdepan dengan manusia, kita berdepan dengan Tuhan. Marilah kita saling tolong menolong melaksanakan projek-projek yang membawa faedah kepada rakyat. Jangan tolong-menolong dalam perkara-perkara yang merosakkan negeri dan rakyat. Kita bisik sana, kita bisik sini belum berbincang sudah masuk

*paper* sampai menyebabkan pelabur-pelabur lari. Itu bukan menolong membangunkan negeri dan rakyat. Tolonglah kita bila kita mengharapkan pertolongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Secara jujur dan ikhlas demi kemajuan negeri dan rakyat. Sentiasalah ingat firman Allah yang saya bacakan tadi malah banyak lagi firman-firman Allah khususnya bagi orang Islam. Saya kagum sekarang ini, sahabat-sahabat kita dari bukan Islam juga telah membaca pesanan-pesanan dan hasil-hasil kejayaan orang-orang yang lampau. Di mana ada kebaikan kita tolong, di mana ada kerosakan jangan kita tolong. Walaupun ajakan, saranan, cadangan daripada pihak lawan kita. Tolong cara ikhlas, yang baik kita tolong, dan yang buruk pun kita tolong, ini perkara pelik sedikit. Tetapi yang tidak baik kita tolong nasihat, jangan buat, jangan begitu, tolong juga. Sebab itu dalam Islam dia tidak ada sikap tidak tolong, mesti tolong. Sebab itu orang yang zalim pun kita tolong, orang yang kena zalim pun kita tolong. Jadi kepada orang yang kena zalim mungkin kita beri bantuan, kepada yang menzalimi kita sekat, kita bincang, kita nasihat.

Pendekatan yang kedua ialah nasihat. Perkataan nasihat ini sebagai satu perkataan yang sehati dengan Islam sebagaimana sabda baginda Rasulullah S.A.W. ...(dengan izin), "Addinun Nasihat" (hadis Nabi), Agama itu nasihat. Hendak berjaya dalam peraturan agama, hendak melihat kejayaan yang disarankan oleh agama hendaklah selalu nasihat-menasihati. Malah kalau tidak dinasihat, apa yang Allah telah peringatkan kepada kita dalam surah Al-Asr "Demi masa sesungguhnya manusia sentiasa dalam kerugian, rugi 5 tahun. 20 tahun lagi rugi. Kita bela anak kita 5 tahun, kalau kita tidak didik secara nasihat rugi. Kita buat apa juga projek, kalau kita tidak saling nasihat-menasihati, pesan-memesan sesama kita akan rugi. Rugi duit mungkin kita boleh nampak defisit sana defisit sini, kalau rugi akhlak, rugi moral, siapa pun tidak ingin datang ke Pulau Pinang, merempit sana, merempit sini, melepak sana, melepak sini, ragut sana, ragut sini. Ini kerana kita tidak mengambil peranan nasihat-menasihati. Walaupun kita kata bermula dari rumah tangga, ibu bapa yang bertanggungjawab, jiran tetangga, masyarakat, pemimpin nasihat menasihati. Di kalangan pemimpin harus menasihati di antara mereka. "Demi masa, manusia sentiasa berada dalam kerugian kecuali antara lain nasihat-menasihati dengan kebenaran, nasihat-menasihati dengan kesabaran".

Jadi, menyentuh perkara nasihat ini, selalunya kita mengharapkan nasihat daripada orang-orang yang berpengalaman, orang-orang yang berpengetahuan. Saya kira Barisan Pembangkang adalah orang-orang yang berpengalaman berbanding dengan kita ini orang-orang baru, saya sendiri baru. Syukur kerana Allah takdirkan saya di sini, bukan kelebihan tetapi tanggungjawab. Jadi ambillah kesempatan dengan kita yang berpengalaman menasihati yang kurang berpengalaman, tetapi sebenarnya nasihat itu, dia ada syarat-syaratnya. Juga berbalik kepada kejujuran dan keikhlasan, jujur cara menasihati, Orang yang memberi nasihat pun ada tertib dia, orang yang menerima nasihat pun juga ada tertib. Bukan apabila orang datang hendak memberi nasihat “ Hah! Sudah-sudah, sudah ada, dah cukup, cukup,” sampai tidak beri ruang kita cakap, macam mana, jadi begitu. Orang yang menasihati pun, dia dengan hati yang terbuka, bila melihat sesuatu perkara yang tidak elok, datanglah. Saya rasa pentadbiran sekarang membuka pintu untuk sesiapa juga ingin menghulurkan pendapatkah, tenagakah. Saya mengambil kesempatan ini juga pada pagi yang mulia ini dalam Dewan yang mulia ini menyokong usaha YAB. Ketua Menteri yang telah melantik tokoh dari Gerakan untuk menganggotai investPenang kerana kita melihat di mana ada potensi, di mana ada orang sanggup membantu, kita sedia menerima. Malah saya sebelum pilihan raya dulupun memberitahu kepada semua pengundi-pengundi, kita akan bersikap demikian. Sesiapa yang memegang jawatan sekarang terus akan memegang jawatan selagi percaya dan mahu berkhidmat atau membantu kita.

Kita tidak memilih kumpulan kita, Imam tetap terus Imam, JKKK terus JKKK. Tapi kalau dah kawan nak mengasingkan diri, nak menarik diri apakan daya. Satu contoh atau pun bukti kesungguhan kita pula iaitu apa yang diusahakan oleh YB. Batu Maung merangkap EXCO Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna, yang melancarkan *consumer watch* atau pemantau pengguna yang saya difahamkan beliau melantik semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam negeri ini mewakili jawatankuasanya. Ini adalah satu lagi contoh kita minta, marilah sama-sama kita membantu rakyat dalam hal ekonomi, menasihati para pekedai untuk tidak menaikkan harga, memberi perkhidmatan yang baik.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Penjelasan , silakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya nak tanya YB. Sungai Bakap adakah surat dikeluarkan oleh YB. Batu Maung menjemput kita menjadi ahlinya. Adakah surat dikeluarkan? Saya tidak dapat surat pun dan saya ingat yang lain pun tidak dapat surat hanya dijemput untuk mesyuarat saja. Tidak ada surat dikeluarkan dan tidak dilantik pun. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Tuan Maktar bin Haji Shapee):**

Saya difahamkan telah keluar surat. YB. Tuan Speaker, bagi EXCO jawab nanti. Insya-Allah. Saya dalam mesyuarat itu difahamkan hantar kepada semua kawasan. Itu yang saya bawa sampai sekarang. Jadi tengok-tengok masa itu tak ada. Jadi kalau orang kata apa? Maknanya saya faham setakat ini pentadbiran sekarang adalah membuka luas kepada penyertaan semua pihak, daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada Ketua-ketua Jabatan, kita mengalu-alukan kerjasama demi kebaikan-kebaikan rakyat dan Negeri Pulau Pinang. Jadi orang kata apa, sikap keterbukaan ini diharapkan akan berterusan dan setiap kita hendaklah mengambil pendekatan yang saya cuba sarankan tadi iaitu bekerjasama, tolong-menolong dan nasihat-menasihati kita. Memang kita menginsafi banyak kelemahan banyak kekurangan tetapi oleh kerana tanggungjawab Allah yang berikan kepada kita, kita harus teruskan dan kita amat memerlukan sokongan, dokongan daripada semua pihak. Saya rasa sekadar itu YB. Tuan Speaker. Terima kasih.

## **YB. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini kita menerima kunjungan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak Pakatan Rakyat yang diketuai oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Perak. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya bukakan perbahasan dan saya mempersilakan untuk pembangkang.

## **Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

YB. Tuan Speaker, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Waramatullahi Taala Wabarakatuh, Selamat Pagi Salah Sejahtera. YB. Tuan Speaker, saya juga ingin turut serta dalam perbahasan ucapan terima kasih atas ucapan TYT.

Pertama sekali saya tertarik dengan ucapan TYT. yang mengharapkan Dewan ini bersidang walaupun bertikam lidah tetapi kita semua kawan-kawan dah mengeluarkan pendapat yang bernas, berhujah dan berbahas dengan adap dan sopan. Begitu juga YB. Tuan Speaker pernah membuat statement dalam akhbar memohon semua Ahli Yang Berhormat untuk mengikut adat sopan dan peraturan yang telah ditetapkan. Kami 11 orang ini, daripada persidangan yang berjalan hari kelmarin, kami tidak melanggar peraturan, kalau kata duduk, kami duduk, kalau minta kebenaran untuk berucap diberi baru kami berucap. Tapi yang anehnya kelmarin kita tengok masa soal jawab ada yang menggunakan buku biru kita, *standing order* terus bangkit cakap, terus berucap. Dah jadi macam *toys*, macam alat permainan. Tak bagi kebenaran perkara berapa pecahan berapa, apa terus berucap sahaja. *The point of order* terus berucap. Satu.

Yang kedua, tanya soalan mengenai lain, soalan tambahan perkara lain pula. Apa punya lawak ini. Ada pula yang datang sini tuju soalan yang dijawab oleh Ketua Menteri tetapi kenen dekat saya pasal demonstrasi lah, itulah, inilah. *Come on man*. Ini menunjukkan bahawa Dewan ini dah jadi macam *market* kalau kita biarkan. Saya berharap benar YAB. Ketua Menteri tolonglah mengadakan kursus kepada ahli-ahli yang mereka ini yang mengaku tadi *junior* betul pun, yang pernah masuk Dewan buat pertama kali jangan buat kesalahan

yang sebegitu. Tak payah buat kursus yang saya dulu diberitahu bahawa apa kursus Protokol. Tak payah buat kursus Protokol buat kursus bagaimana nak menghadiri Persidangan Dewan ini dijalankan mengikut peraturan dan sebagainya. Jangan mai datang pakai hentam saja bom, bom, bom, bom kata itu, dengan penuh semangat datang ke Dewan kita nak hentam Barisan Nasional. Masuk-masuk tak kira apa pun dah tak peduli apa, beram, beram, beram, beram hentam. Apa ni! Ikutlah peraturan jangan sampai esok kita diarah keluar Dewan. Saya tak mahulah *code* siapa-siapa tapi semua orang tau. Ya sampai dikeluarkan Dewan. Ikutlah peraturan Dewan. Ya. Kita bermesyuarat, berbahas mengeluarkan hujah dan sebagainya. Sebagai seorang Wakil Rakyat yang dihormati, yang dipilih oleh rakyat yang dipandang oleh masyarakat sebagai salah seorang pemimpin kawasan-kawasan itu. Kita ada 40 orang. Tatasusila itu, peraturan itu kalau kita yang dok gubal undang-undang buat, kita dok langgar undang-undang, wakil rakyat tahi minyak apa? Itulah.

YB. Tuan Speaker, perkara yang paling banyak diperkatakan ialah jambatan Pulau Pinang, Monorel, PORR sikit-sikit. Sampai Y.A.B. Ketua Menteri pun mengatakan tolong jangan buat *statement-statement* supaya nak menarik pelabur, supaya jangan pelabur-pelabur lari kerana *statement-statement* yang sedemikian. Persoalannya kita cakap pasal Jambatan Pulau Pinang Kedua. Saya buat *statement*. Ini adalah berdasarkan kita tengok di Pulau Pinang hari ini berapa banyak kenderaan yang ada. Daripada soalan lisan yang saya tanya itu diberitahu jawapannya ialah RM1 juta 780 ribu, kenderaan yang ada di Pulau Pinang ini. RM1.78 juta semua jenis kenderaan yang ada di Negeri Pulau Pinang, yang berdaftar di Pulau Pinang. Belum lagi yang berdaftar di Perak ka, Kedah dan sebagainya. Kereta ini banyak yang lalu lintas melalui jambatan yang pertama ini. Bila sampai ke Pulau Pinang, apa terjadi, tadi Pulau Tikus menyatakan saya ingin betul nak tanya tadi, minta laluan tapi YB. daripada Seberang Jaya, dia tak bagi laluan. Saya ingat tak payahlah. *Now*, dia sendiri mengaku YB. Pulau Tikus mengaku keadaan di Pulau Pinang sangat sesak begitu. Cuba bayangkan kalau lagi satu jambatan ada, sebuah lagi dibina walaupun sedang dibina ini, keadaan yang begitu sesak jadi di Pulau ini. Khususnya pulau ini betapa sesaknya jadi. Kita tengok laluan melalui Greenlane ka, laluan daripada Jelutong Expressway lebih kurang pukul 5.00 *p.m.* atau 6.00 *p.m.*, daripada Bayan Baru begitu *jam* sekali kerana

orang semua nak bawa kereta dan kenderaan masing-masing. Ini persoalannya.

Yang saya harapkan pada Kerajaan Negeri ialah membuat satu Pelan Induk Pengangkutan. Pelan Induk Pengangkutan yang merangkumi semua sekali. Sistem pengangkutan di Pulau Pinang ini, bukan buat *ad-hoc*. Jambatan hendak, kerana rakyat hendak buat, Monorail hendak buat, PORR hendak buat. Kita hari ini, saya cadangkan kerajaan mewujudkan satu kumpulan pakar yang tidak punyai *interest* apa-apa dalam projek pengangkutan ini. Mengadakan satu badan satu jawatankuasa profesional yang betul-betul. Ya, bukan kita ambil pegawai ini, ambil orang ini, ambil orang itu. Kalau perlu kita dapatkan khidmat konsultan daripada luar negeri, bayar supaya satu sistem pengangkutan yang dapat belancar yang boleh *integrate* daripada jambatan sampai ke pulau-pulau, naik pengangkutan apa, sediakan apa, apa, apa. Dan ini dibawah satu *authority, State Authority* yang bertanggungjawab tentang pengangkutan. Kita harus memikir ke arah itu. Bukan satu, satu, satu mengikut *parcel, parcel, parcel* yang tertentu. Akhirnya inilah yang terjadi, yang dok ada di Negeri Pulau Pinang ini. Ya, kita hendak walau pun negeri kita ini kecil, rakyatnya 1.5 juta, pengangkutan yang berdaftar di Pulau Pinang, 1.78 juta. Tambah-tambah lagi masa cuti dan hujung minggu, kita sarankan itu, sarankan kita adakan satu badan konsultan yang benar-benar pakar yang boleh membantu untuk menyelesaikan, bagi cadangan pada kita.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):**

Penjelasan

**YB. Tuan Speaker:**

Silakan

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):**

Saya ada keraguan berkenaan angka-angka yang diberi oleh YB. dari Penaga. Mengikut apa yang saya ada dalam tangan saya, kenderaan berdaftar di Pulau Pinang sehingga Disember 2006, jumlahnya adalah 2.3 juta dan bukan 1.78 juta. Ya, lebih banyak. Jadi kereta sahaja ada 856,199, motosikal 773,169 dan termasuk lagi bas, teksi, kereta sewa, kenderaan perdagangan dan lain-lain.



Dan masa sekarang kesesakan lalu lintas di atas jambatan telah begitu serius. Tambahan pula, setiap tahun kadar penambahan pengguna-pengguna di atas jambatan adalah lebih kurang 10%. Sekiranya Jambatan Kedua Pulau Pinang tidak dibinakan. Maka pada satu hari kemudian, mungkin satu tahun, dua tahun lagi, tidak payah lagi gunakan jambatan cuma tunggu di atas jambatan sahaja. Duduk dua jam di atas jambatan dan bagaimana hendak pergi menguruskan urusan-urusan mereka sekiranya banyak masa telah terbazir di atas jambatan. Ini saya agaklah kita bersama-sama supaya berusaha Jambatan Kedua ini direalisasikan dan demi untuk kemakmuran ekonomi Negeri Pulau Pinang ini. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya menyebut angka itu dan ini jawapannya daripada kerajaan. Kalau Yang Berhormat Bagan Jermal mempertikaikan angka ini bermaksud Yang Berhormat mempertikaikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini jawapan sah di dalam ini. Saya tidak tahu kalau ini jawapan tidak betul. Saya ingin mempersoalkan balik kalau ini bukan jawapan yang betul yang diberi kepada saya. Saya tidak tahu *figure* itu Yang Berhormat Bagan Jermal dapat saya tidak tahu tetapi yang rasmi yang diberikan oleh pihak kerajaan. Saya bukan cakap begitu sahaja.

Yang kedua, memang kita akui Jambatan Pulau Pinang Pertama ini memang dalam keadaan yang sangat sesak kerana kerja-kerja menambah laluan sedang berlaku. *Now*, kalaulah begitu keadaannya mengapakah tidak difikirkan buat sementara ini kita *provide* kan bas untuk mengangkut orang-orang yang hendak pergi kerja di Pulau Pinang diadakan *park and ride* dan sebagainya. Tadi, kelmarin dia jawab *park and ride* memerlukan tanah yang besar. Tidak perlu, kita boleh buat bangunan untuk *parking lot* yang bertingkat atau lebih baik sediakan bas daripada Seberang Perai melintasi Pulau Pinang. Sampai di Pulau Pinang ini bawa pergi ke kilang-kilang dan tidak perlu orang bawa kereta. Jadi, pokok persoalannya sekarang ialah satu *comprehensive master plan* harus dibuat dengan segera untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta laluan. YB. Tuan Speaker, saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat daripada Penaga. Member lama. Saya masih lagi ingat lama-lama sejak tahun 1990, Ahli Penaga ada seorang ADUN di Penaga dan juga adalah Ahli Dewan Undangan Negeri. 2004 sehingga 2008, saya tidak biasa mendengar bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Penaga buat cadangan-cadangan begitu apabila dia seorang EXCO.

Sekarang kami balik kepada Jambatan Kedua, apabila membuat kenyataan bahawanya Jambatan Kedua hendak dibatalkan, adakah pegang hati dan ingat baik-baik daripada segi bahawa ada satu komprehensif atau daripada segi politik di mana *you are a sore looser* ....(dengan izin), dan di sana apa kata batalkan kerana pada masa sekarang Kerajaan Negeri adalah dalam PR. Bukan dalam Barisan Nasional oleh kerana batalkan. Bukan dari segi komprehensif kerana saya tidak biasa dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2004 sehingga 2008, tiada biasa dengar satu kali pun dia buat kenyataan begitu.

Yang kedua, minta penjelasan. Saya ingin hendak tanya Ahli Yang Berhormat daripada Penaga bahawa adakah jambatan Pulau Pinang yang sedia ada telah ada satu masalah dan ini telah disulitkan oleh Kerajaan Negeri bahawa kepentingan rakyat tidak diambil kira, keselamatan rakyat tidak diambil kira. Ada ke tiada? Dia seorang bekas EXCO, saya ingin hendak tanya bahawa Jambatan Pulau Pinang telah menghadapi satu masalah di mana bila-bila masa pun boleh jatuh runtuh begitu. Itu satu maklumat yang disimpan oleh Kerajaan Negeri yang lalu di mana *coupling* itu sudah pecah, sudah putus dan bila-bila dia boleh runtuh macam ini. Dalam Dewan yang mulia ini saya ada biasa mengatakan apakah akan terjadi kalau ekonomi Pulau Pinang jikalau jambatan itu dia jatuh. *How to* ...(dengan izin), macam mana perhubungan di antara Seberang dan Pulau Pinang. Bolehkah kami sokong sepenuh-penuh untuk Jambatan Kedua supaya jikalau ada apa masih ada alternatif. Itulah tujuannya. Saya ada dalam Dewan yang mulia ini berucap dan selaras juga hari ini dan saya minta Ahli Yang Berhormat daripada Penaga bahawanya apabila ....(dengan izin), *you have got to be consistent with your own conscious and policy*.

Bila you minta dibatalkan bukan untuk memohon satu *comprehensive report* akan tetapi macam budak-budak kecil walau pun umur lebih sedikit. Dia kata apa, dia kata komprehensif, tiada. Daripada segi politik dan bukan dari segi kepentingan rakyat Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ini kadang-kadang sahabat lama saya ini. Bila beri kepada satu inci minta laluan, dia hendak beri ucapan. Dia rembang ke sana dan rembang ke sini. Dia tanya itu dan tanya ini.

Yang Berhormat 2004, 2008, tidak tahukah bahawa saya pada masa itu EXCO Pertanian, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir. Segala persoalan yang bersangkutan paut itu saya jawab. Buat hairan pula. *It's the true what ....*(dengan izin) itu yang sebenarnya. Sekarang, Jambatan Pulau Pinang, *you* kata *coupling* yang pertama itu, memang kita tidak bangkit. Kita takut rakyat rasa takut dan gemuruh tetapi benda itu dibaiki sampai sekarang dan tidak runtuh pun. Mengapa kita heboh kata *coupling* itu hendak pecah dan runtuh. Rakyat akan jadi panik dan sebagainya. Sebab itu kita tidak umumkan tetapi kerja baiki itu dijalankan. Itu persoalannya. Macam budak-budak. *You* kata saya budak-budak, Yang Berhormat pun macam budak-budak juga. Cerita retak sedikit mahu cerita satu dunia sampai orang naik takut.

Yang Berhormat tentang pelaburan ini bukan kerana jambatan itu jadi faktor satu-satunya dan banyak faktor-faktor. Kalau mengikut *Industry Localtional Analysis ....*(dengan izin), Analisa Penempatan Industri. Dia banyak faktor, bukan kerana infrastruktur sahaja, bukan kerana gaji murah sahaja, bukan kerana ada kemudahan-kemudahan awam tetapi termasuk juga yang menjadi salah satu faktor yang penting ialah betapa stabilnya sesebuah kerajaan itu. Ini 16 September ini, kononya Barisan Rakyat akan memerintah negeri atau Negara Malaysia. Jadi *investor* sedang tengok, apa hendak jadi dengan Malaysia dan khususnya Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd Hamdan bin Abdul Rahman):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Hai, semangat nampak hari ini.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd Hamdan bin Abdul Rahman):**

Kita kawan lama, tidak akan terlupa.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd Hamdan bin Abdul Rahman):**

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. YB. Tuan Speaker, saya tertarik hati juga dengan ucapan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang kita iaitu Yang Berhormat daripada Penaga. Walau bagaimanapun, saya masih lagi ada keraguan atau pun ada sedikit tidak kepastian mengenai ucapan Yang Berhormat itu atau tidak begitu fahamlah. Kenapa?

Saya hendak tanya Yang Berhormat Penaga, apakah pada pendapat Yang Berhormat Penaga bahawa Jambatan Kedua Pulau Pinang perlu kepada rakyat Pulau Pinang dan perlu kepada Negeri Pulau Pinang memandangkan kepada angka-angka perangkaan kenderaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat sendiri dalam Dewan yang mulai ini begitu banyak sekarang ini. Jadi apakah perlu Jambatan Kedua Pulau Pinang dan keduanya jika sekiranya perlu kepada rakyat Pulau Pinang maka saya memohonlah kepada Yang Berhormat sebagai orang penting atau sebagai seorang pemimpin dalam Barisan Nasional supaya dapat membuat suatu permohonan untuk menyegerakan Jambatan Kedua Pulau Pinang ini atau untuk menjadi Jambatan Kedua realiti. Sebab saya lihat kenyataan ialah maafilah Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri ada membuat kenyataan bahawasanya barang-barang sekarang ini jadi mahal.

Bila jadi mahal mungkin kos jambatan ini meningkat dan juga memberitahu bahawasanya ada beberapa pelan Jambatan Kedua yang belum lagi dipastikan. Juga daripada kenyataan Menteri Kewangan Kedua semasa pemerintahan Pakatan Rakyat ini at least ada kenyataan daripada Menteri Kewangan Kedua bahawasanya mungkin segala projek-projek termasuk projek Jambatan Pulau Pinang ini akan ditangguhkan. Jadi bolehkah Yang Berhormat, ini soalan yang kedua. Bolehkah Yang Berhormat sebagai orang yang berpengaruh dalam Barisan Nasional sekarang ini sebagai seorang pemimpin, bolehkah kalau keperluan kepada projek-projek ini untuk rakyat Pulau Pinang, bolehkah Yang Berhormat tolong *approach* Perdana Menteri kita. Sekian.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Itu ucapan sulong daripada Yang Berhormat Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd Hamdan bin Abdul Rahman):**

Ucapan tidak lagi.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ucapan tidak lagi, tadi sudah bunyi seperti ucapan itu. Kelmarin soalnya tidak timbul dan tidak berucap. Hari ini semangat sungguh. Alhamdulillah. Ini orang kata wakil PAS, saya cukup sayang.

Berbalik kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pasir tadi. Sokong atau tidak sokong, Penang Bridge sedang dalam pembinaan. Betul tidak? Sedang dalam pembinaan dan saya bangkitkan di sini ialah satu pelan induk. Apakah saya seorang pemimpin kecil peringkat Penaga sahaja, hendak pergi cakap dengan pemimpin besar terutama negara ini dan kena suruh buat juga, buat juga. Yang kita hendakkan ialah satu rangka pelan yang besar seperti yang saya katakan tadi. Ini bukan disokong bukan saya seorang tahu, bukan segelintir tetapi disokong oleh 12 NGO dan juga CAP dan juga *Greenlane Height residence*. Semua ini ada dalam keratan akhbar yang saya simpan.

Bukan cakap seorang-seorang. *Check* balik keratan akhbar ini. 12 NGO termasuk CAP 13 dan termasuk Persatuan Greenlane Heights 14. Ini adalah suara rakyat dan yang saya bangkitkan ialah suara rakyat. Jadi itulah persoalannya.

YB. Tuan Speaker, saya kadang-kadang terfikir dan saya tidak mahu sentuh lagi RM4.7 bilion yang dituntut oleh pihak Ketua Menteri. Sekarang ini saya sedang melihat segala *statement*, segala ungkapan dan segala kata-kata yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah mengenai dengan Jambatan Pulau Pinang, monorail, PORR, kereta api Bukit Bendera dan juga Mengkuang Dam. Inilah projek yang diberi tumpuan sangat-sangat. Inilah masalah di Pulau Pinang yang harus diselesaikan. Inilah benda yang patut dilaksanakan. Tidak pernah pula saya dengar tentang masalah luar bandar. Tidak pernah sekali pun *statement* mungkin saya tidak terbaca tentang RTV Sungai Muda. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda. Apa yang sedang berlaku?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat):**

Penjelasan.

**YB. Tuan Speaker:**

Okay, penjelasan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat):**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan. Saya ADUN dari kawasan Jawi. Saya berasa was-was dengan apa yang telah disampaikan oleh wakil ADUN dari Penaga tadi yang mengatakan Kerajaan Negeri tidak memberikan tumpuan kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Kenyataannya memang tak boleh diterima langsung. Sebab apa? Sebab kerajaan kita baru sahaja memerintah, baru sahaja mendapat amanah daripada rakyat Negeri Pulau Pinang. apa-apa projek kerajaan kita masih lagi dalam pelaksanaan dan dalam perancangan. Kenapa kita tak beri peluang kepada kerajaan baru untuk melaksanakan segala rancangannya nanti.

Apa yang saya berasa kurang memuaskan dengan hujah-hujah yang telah disampaikan oleh wakil dari Penaga tadi adalah dia menegaskan bahawa kerajaan baru kita cuma mementingkan projek Jambatan Pulau Pinang, Monorel, BORR, PORR dan Projek Mengkuang. Apakah dia seorang rakyat di luar Negeri Pulau Pinang? Sedangkan projek ini memang penting kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya tak faham, tak faham apa pandangan dia yang bermati-matian untuk menafikan kepentingan benda ini. Saya harap seperti mana yang telah diutarakan oleh ustaz dari Sungai Bakap tadi. Dia kena kaji isi kandungannya. Kaji ucapan sepertimana ucapan yang telah disampaikan oleh wakil dari Sungai Bakap tadi. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Terima kasih kepada wakil rakyat daripada Jawi. Itulah saya kata tadi. Saya baru buka kata RTB Sungai Muda, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda, saya baru nak menjelaskan. Dah Jawi minta laluan. Tak adillah, kerajaan ni baru ditubuhkanlah, tak beri perhatian luar bandar. Saya belum lagi jelaskan. Dengar dulu. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda yang dibuat untuk menangani masalah banjir daripada Sik Kedah sampai ke Kuala Muda yang melintas tiga KADUN di Seberang Perai. KADUN Yang Berhormat Pinang Tunggal, KADUN Yang Berhormat Bertam, Kadun saya sendiri. Dalam persetujuan awal semasa buat dulu, pengambilan tanah untuk memindahkan lebih kurang 460 buah keluarga dibayar oleh Kerajaan Pusat. Tempat penempatan mereka juga disediakan oleh Kerajaan Pusat.

Kerajaan akan bayar pampasan kepada mangsa-mangsa yang terlibat ini. Rumah, dan kalau tanah dia sendiri, bayar rumah. Kalau rumah dia. Kecuali rumah setinggan. *Now*, menempatkan di atas tapak yang akan disediakan oleh Kerajaan Pusat. Cumanya, satu pertiga (1/3) kos infrastruktur ini ditanggung oleh Kerajaan Pusat, satu pertiga (1/3) ditanggung oleh Kerajaan Negeri, satu pertiga (1/3) ditanggung oleh tuan punya rumah ini semua. Apa yang terjadi? Kerajaan Negeri tidak mahu itu. Kerajaan Negeri tidak mahu membayar satu pertiga (1/3), dia kata orang pun jangan bayar, seluruh projek mesti dibiayai oleh Kerajaan Pusat. Apa akhirnya?

Sekarang kerja-kerja pengambilan tanah tergendala. Yang lebih membimbangkan sebelah Kedah, ban sedang naik. Ban sedang naik, dibina ban. Takdak masalah dengan kerajaan Kedah. *Now*, kalau sekiranya berlaku, sekarang musim hujan, banjir besar akan berlaku. Kerana kalau dulu banjir, air melimpah dua-dua belah. Sama ada Kedah, Seberang Perai. Ini kalau ban sudah didirikan di sebelah Kedah, apa nasib dengan penduduk Seberang Perai Utara?

Yang ini melibatkan boleh kehilangan nyawa, harta benda, ternakan, musnah segala tanaman dan sebagainya. Jawi, itu penjelasan. Bukan kata kerajaan bagi peluang dak. Sekarang ni kerja-kerja pengambilan tanah terhenti. Di sebelah Kedah sedang naik. Kalau banjir berlaku, dan selalunya dalam rekod, tiap-tiap tahun banjir berlaku di Sungai Muda. Perpindahan berlaku. Sekarang ini banjir akan menjadi lebih dahsyat dan lebih hebat lagi kerana air akan melimpah sebelah. Begitu juga dengan *Double Tracking* Kereta api. Kereta api dua landasan, dua laluan yang sedang dirancang daripada Ipoh ke Padang Besar. Kerajaan Negeri hanya memberi kebenaran untuk dipertimbangkan di SPU sahaja. Kena pindah semua rumah-rumah. Penempatan semula tanggungjawab Kerajaan Pusat. Kemudian pula ada rumah-rumah ibadat tokongkah, kuilkah, suraukah walaupun duduk dalam atas tanah *reserve* KTM tetapi kerajaan kena juga bayar dan sebaliknya.

Kalau ini selesai semua, baru diberi kebenaran kepada Daerah SPT dan Daerah SPS. *Settle* yang SPU dulu. Sekarang ni kerja terhenti juga. Kos pengambilan tanah semakin hari semakin meningkat. Makna kata *Double Trekking* tak boleh lalu Seberang Perai. Tak akan jadi kalau sekiranya Kerajaan Negeri menyekat di situ. Ini yang saya kata. Ini adalah pembangunan untuk NCER untuk pembangunan luar bandar. Inikah? Sebab itu saya nak katakan tadi, pembangunan yang dibangkitkan hanya untuk kawasan sepertinya itulah Daerah Timur Laut sahaja. Seperti macam Ketua Menteri, dia jadi Ketua Menteri Daerah Timur Laut, bukan Ketua Menteri seluruh Negeri Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, keadaan ini penduduk luar bandar juga memerlukan benda-benda ini. Kita dok bercakap tentang kawasan bandar, ekonomilah, kemajuanlah, itulah, inilah. Saya ingat lagi tahun 1969. Tun Lim Chong Eu semasa jadi Ketua Menteri. Bila dia menang pilihan raya Parti Gerakan masa itu di luar daripada Barisan Nasional. Apa yang dia buat ialah dia pergi melobi penanam-



penanam modal daripada Amerika, daripada Eropah dan buka *Free Trade Zone* di Pulau Pinang. Beratus kilang yang datang. Masa itu jambatan yang pertama pun belum ada lagi. Jadi, kalau kita fikirkan ke arah itu, bukan kerana jambatan ini sangat orang nak datang. Kalau takdak jambatan, maka orang tak datang melabur. *Come on man*. Sejarah telah membuktikan beratus kilang yang ada di *Free Trade Zone* dan termasuk juga yang ada di Bukit Minyak itu, masa tu jambatan pun takdak. Sekarang persoalannya, bukan hanya tumpu pada kawasan ini, tetapi juga luar bandar. Toksah cakap la yang lain-lain lagi. Kalau Kerajaan Pulau Pinang tak membenarkan ambil, saya cukup khuatir, bila saya tengok langit, saya tengok hujan, saya rasa dalam hati berapa pula bencana ni yang akan berlaku. Banyak mana kesusahan yang akan ditanggung oleh kerajaan, oleh rakyat. Ya, benda itu, kebenaran nak ambil tanah, nak buat ban pun tak boleh.

Ya tuan-tuan dan puan-puan. Inilah benda yang harus difikirkan bersama. Macam tadi daripada Sungai Bakap berucap. Biar kita memikirkkan untuk seluruh rakyat, jangan hanya memikir sekelompok sahaja. Memikirkkan seluruh Negeri Pulau Pinang. Tak taulah. Banyak sangat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Penjelasan. Minta penjelasan.

**YB. Tuan Speaker:**

YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat Penaga. Belum sebut lagi nama. Yang Berhormat Penaga, adakah Yang Berhormat bertentangan untuk mengadakan apa-apa pembangunan di Negeri Pulau Pinang sebab rasanya sekarang Yang Berhormat menentang pembangunan sebab dulu zaman takdak elektronik, takdak *laptop* dan sebagainya. Sekarang Yang Berhormat Speaker, *time is of the essence*. Kalau kita lambat, kita tertinggal. Negara Malaysia, Negeri Pulau Pinang dah pun ketinggalan. Jadi apakah maksud Yang Berhormat menjawab sebegitu. Hendak melambat-lambatkan proses pembangunan? Saya minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tak kata melambatkan proses pembangunan. Saya juga mahukan pembangunan. Saya tak kata saya tak mau. Yang saya kata Tun Lim Chong Eu buat tahun 70-an dulu. Yang saya bangkit, tekan di sini ialah jangan hanya tumpu kepada kawasan yang bercakap tentang pembangunan. Nasib rakyat mengapa dibiarkan? *You* cakap yang mana lebih penting?

Kemewahan atau pun nyawa manusia? Pasai Yang Berhormat, maaf saya, daripada Batu Uban tak pernah mengalami banjir. Dahsyatnya banjir Kuala Muda itu kami hadapi daripada dulu. Itu yang saya perkatakan. Jangan hanya tumpu kepada ini. Tetapi di sana dibiarkan, langsung tak bercakap, takdak keluaran dalam akhbar atau apa-apa media pun...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Penjelasan. Minta Izin. YB. Tuan Speaker, saya ingat Ahli Yang Berhormat Penaga tidak tahu bahawa untuk ke-15 tahun kebelakang ini, ada Kampung Belacan di Batu Uban yang telah dilanda dengan banjir apabila air pasang sahaja. Tak perlu hujan. Yang dikatakan kunci air tak kerja. Tebatan air tak kerja. Jadi inikah satu jawapan yang begitu bertanggungjawab?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Itu, soalan itu patut tanya kepada Kerajaan Negeri, bukan saya. Tanya JPSlah, Jabatan Pengairan dan Saliran mengapa dia tak pergi. Yang saya bangkitkan di sini berulang-ulang kali ialah sungai besar. Kedah dah buat ban. Balik ni melimpah lagi teruk. Takdak saya dengar kalau banjir kilat orang mati. Tapi, banjir sungai yang besar, orang boleh mati. Okay? Satu lagi, mengenai luar bandar. Saya dah sentuh tu, saya sentuhlah luar bandar...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Penjelasan.

**YB. Tuan Speaker:**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. dari Penaga. Tadi yang Berhormat ada katakan apabila langit jadi hitam Yang Berhormat takut apa yang akan berlaku kalau ada hujan lebat dan sebagainya. Dan oleh itu Yang Berhormat menyatakan mengapa tidak ditumpukan atau difokuskan pembangunan juga di luar bandar. Ahli daripada Batu Uban telah nyatakan kes di Kampung Belacan dan banjir yang kerap kali berlaku di situ. Setuju atau tidak dan atau pun saya ingin tanya pada Yang Berhormat, juga di Negeri Pulau Pinang iaitu di pulau di kawasan pulau. Terutamanya di bahagian Jelutong, bahagian Sungai Pinang, dan kawasan ADUN saya Datok Keramat, tidak perlu hujan lebat untuk ada banjir.

Di dalam bandar, apakah tidak perlu untuk kita terus maju dan membangunkan dan buat apa yang perlu supaya atasi ini juga di bandar. Bukan satu isu di mana kita cuma membangunkan bandar dan abaikan dan tidak tumpu perhatian kepada luar bandar, ada sebab mengapa di bandar juga kita perlu buat bangunan dan atasi masalah yang wujud sekarang. *Infacts* ...(dengan izin), apabila langit semakin hitam di Pulau, saya pun tidak boleh tidur, saya tahu Datok Keramat mesti banjir. Saya tidak boleh tidur, itu maksud saya, saya ingin tahu apakah pendirian daripada Yang Berhormat ini kita jangan tumpukan perhatian pembangunan di Pulau Pinang di bahagian pulau terutamanya termasuk projek-projek Mega yang kamu nyatakan, yang kami sering nyatakan sahaja. *Infacts* projek-projek Mega yang ada *spil over effect* yang akan membangunkan *spil over effect* kepada orang luar bandar, betul atau tidak Yang Berhormat, itu yang saya ingin penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat Penaga.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli Kawasan Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya bersetuju sangat apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Batu Maung dan Yang Berhormat Datok Keramat. *Even* di Balik Pulau sendiri juga, kalau tidak hujan pun air pasang sikit pun memang banjir, jadi saya hendak minta kepada Kerajaan Negeri segerakan projek untuk memantau dan juga menidakkan untuk tidak berlaku lagi banjir di kawasan-kawasan di Datok Keramat, Batu Maung juga di Balik Pulau. Sediakan peruntukan yang lebih untuk projek ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Terima kasih Ahli Kawasan Datok Keramat dan juga Pulau Betong. Pendirian saya memang kepentingan rakyat harus diutamakan. Saya akui bahawa kawasan-kawasan Pulau Betong kah, Datok Keramat kah, bila berlaku hujan akan berlaku banjir kilat. Itu tidak dapat dinafikan, ini adalah peranan JPS dan sebagainya dan juga MPPP, yang saya bangkitkan ini, mengancam nyawa. Ini yang saya bangkitkan ialah sungai besar yang boleh mengancam nyawa, harta benda dan kerosakan, kemusnahan yang sangat besar, itu yang saya tekankan. Kalau setakat rugi pun kita rasa sedih apa lagi kalau kehilangan nyawa, anak-anak kecil, orang tua dan sebagainya.

Belum lagi berlaku tetapi saya sangat kkuatir kerana berulang kali saya kata ban sudah naik sebelah Kedah, air tidak boleh melimpah datang semua ke sebelah sini.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Yang di-Pertua dan terima kasih ahli daripada Penaga. Ini masalah banjir ini adalah masalah besar di Pulau Pinang bukan di Sungai Muda sahaja. Kemungkinan ini dahsyat, di Perindustrian Perai saya ingat tiap-tiap tahun, mungkin beberapa kali banjir kilat ini berlaku di kawasan saya di Perai. Akibat hujan dan air pasang mungkin tanah di Perindustrian Perai ini adalah rendah sekali, maka isu banjir ini adalah lebih besar daripada apa yang

diperkatakan oleh Ahli Penaga. Jadi isu ini saya bangkit dalam Parlimen, isu industri Perai sebab, saya rasa mengkhawatirkan pelabur-pelabur. Saya ingat satu hari banjir, beberapa juta kita hilang. Saya telah bertemu dengan beberapa industri pengurus-pengurus terutama daripada Luar Negeri mereka kluatir tapi apabila kita ketahu bahwa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, ada peruntukan dahulu awal-awal peruntukan RM56 juta supaya untuk meletakkan itu pam, yang saya rasa mungkin sudah pohon *order* daripada Jerman mungkin belum sampai lagi dan kebanyakan pam-pam yang ada sudah rosak apabila saya melihat kawasan itu. Ini saya ingat dalam sebulan apabila kita ambil alih kerajaan maka di kawasan industri Perai ini dan ini di bawah Kerajaan Persekutuan. Janganlah kalau betul-betul Kerajaan Pulau Pinang salah beritahu tidak ada apa-apa, *no problem* tetapi janganlah seolah-olah kita salahkan bahwa kitalah jadi punca segala masalah terutama sekali banjir. Itu perlu kerjasama pelbagai pihak dan yang lebih teruk ialah kawasan Perindustrian Perai dan jawapan daripada menteri yang berkenaan di Parlimen, tidak memuaskan langsung, dia cuma ulang perkara-perkara lama, ini saya akan bangkit lagi dalam ucapan penanguhan.

Ahli Penaga ini saya rasa perkara banjir ini lebih besar dan melibatkan kerjasama pelbagai pihak, janganlah seolah-olah menuduh kerajaan baru. Saya rasa bukan kita ini mahu membiarkan rakyat, tidak, saya rasa dalam kes ini, *double tracking* ini ahli tanya kenapa *excuse* sahaja, kita berhati-hati. Sebab saya rasa siapa-siapa syarikat yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek ini kita menyampaikan mesej dan jangan biarkan apa itu kehendak rakyat. Jangan roboh kuil-kuil, jangan roboh sebegitu yang berlaku sebelum itu, sebab itu kita ini berhati-hati, itu sahaja. Itu bukan satu kesalahan, walaupun saya rasa mungkin projek ini lambat sedikit. Tetapi lambat sedikit tidak apalah, rakyat pun menerima itu, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan. Terima kasih. Saya dengar berkenaan dengan banjir ini. Dahulu saya di sebelah sana, sekarang sudah sebelah sini. Saya jadi EXCO Infrastruktur dahulu, kita buat kerja, memang timbul masalah banjir kilat ini oleh kerana *high tide*, di kawasan

kawan lama saya Bagan Jermal. Memang kerajaan masa itu telah

berusaha untuk menyelesaikan masalah banjir kerana *high tide* ini, kita cubalah, N10, N12, dahulu kawasan KOMTAR itu banjir, setahun 2 kali banjir naik sampai ke kaki KOMTAR, tetapi oleh kerana kita cuba buat N10, N12, selesai. Buat *retention pond* di hujung sungai, kalau macam itu boleh diusahakan. Saya harap pihak Kerajaan Negeri sekarang boleh usahakan, supaya buat skim macam itu, kalau tidak dapat Kerajaan Negeri memang tidak mampu buat sendiri, kos cukup tinggi kena buat baik dengan Kerajaan Pusat, pergi minta duit buat, jangan kita berkelahi, bergaduh dengan Kerajaan Pusat, tidak dapatlah projek itu. Itu pendapat saya.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Peruntukan RM56 juta untuk mengawal banjir di Perindustrian Perai ini, telah diturunkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada lebih kurang RM26 juta. Ini lagi menyulitkan perkara untuk mengawal dan mengatasi masalah banjir di Perindustrian Perai. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Pendek sahaja.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli Kawasan Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):**

Saya rasa tadi Yang Berhormat daripada Penaga sedang membawa satu perkara tentang berkenaan dengan masalah kerjasama daripada Kerajaan Negeri berkenaan dengan pengambilan balik tanah di atas pembesaran RTB di bahagian Pulau Pinang dan juga *double tracking* dan sebagainya dan *relay* pergi kawasan banjir di kawasan Pulau dan sebagainya, kalau boleh Yang Berhormat Penaga teruskan ke arah itu, supaya saya dapat tahu apa hala tuju sebenar. Kemudian kita bincang hal banjir ini *another subject*, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Terima kasih. RTB Sungai Muda dan Ahli Yang Berhormat kawasan Sungai Perai termasuk RTB Sungai Perai sedang berjalan cuma yang saya bangkitkan tadi mengapakah kerajaan langsung tidak ambil tindakan untuk membuat pengambilan tanah untuk menyelesaikan masalah itu. Itu persoalan yang pokoknya, seolah-olah macam kerajaan tidak memberi kerjasama dan memantau untuk menyelesaikan masalah pengambilan tanah untuk membolehkan dia buat ban. Itu soalnya yang saya bangkitkan ini sudah melelong ke mana, sudah dia tanya, saya bagi laluan, kerana saya orang baik. .... (gangguan) ketawa.

**YB. Tuan Speaker:**

Banyak lagi kah?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Dah nak *close* kes dah, banyak lagi. Banyak lagi yang saya hendak bercakap, okay.

**YB. Tuan Speaker:**

Banyak lagi kah.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Banyak lagi, saya hendak lawan dengan Bagan Jermal rekod dia 6 jam.

**YB. Tuan Speaker:**

Saya bagi lagi 15 minit lepas itu saya hendak tangguhkan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

15 minit sahaja, mana adil macam itu Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Kita sambung lepas itu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):**

Hendak berhenti sekarang kah?

**YB. Tuan Speaker:**

Saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 11.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.***

***Dewan disambung semula pada jam 11.30 pagi.***

**YB. Tuan Speaker:**

Dewan disambung semula untuk perbahasan, sebelum itu saya sekali lagi ingin membuat pengumuman ini ialah penggunaan *handphone* sungguhpun menggunakan *vibration* terdapat gangguan dalam rakaman kita, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat ada *handphone* sila pastikan, kerana terdapat gangguan, kerana kita duduk dekat *microphone* saya harap sila beri kerjasama. Dipersilakan Yang Berhormat Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar b. Ibrahim):**

Bagi menyimpulkan perbahasan mengenai banjir tadi, saya berharap benarlah Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Negeri Kedah supaya pemotongan pokok-pokok dalam kawasan tadahan hujan itu tak dilaksanakan. Saya rasa tiada masalah kerana sama-sama dalam Pakatan Rakyat boleh berbincang boleh mengaturkan satu perjumpaan dapat kata sepakat dan penyelesaian. Kalau benda ini diteruskan juga seperti yang dinyatakan, sudah pastilah kawasan akan menerima banjir khususnya Sungai Muda dan Sungai Perai akan mengalami banjir yang amat dasyat itu sahaja.

Mengenai dengan pembangunan luar bandar juga, kerajaan sedar dan semua orang tahu bahawa di Pulau Pinang ini masih terdapat golongan rakyat termiskin, dahulu satu *survey* telah dibuat kita telah *commission* USM untuk buat bancian siapa-siapa yang



tergolong dalam rakyat termiskin satu lagi banciaan dibuat oleh ICU,

Jabatan Perdana Menteri ada satu lagi senarai golongan rakyat termiskin. Walau bagaimanapun senarai mana kita gunakan pokoknya rakyat termiskin masih ramai lagi sama ada di bandar atau di luar bandar.

Kerajaan Barisan Nasional dahulu telah memperuntukkan 500,000 setahun khusus untuk membantu membaiki atau membina rumah-rumah yang digolongkan di dalam golongan rakyat termiskin. Banyak lagi rumah-rumah yang robek, yang bumbungnya bocor, lantainya berlubang dan sebagainya. RM500.00 setahun bukanlah banyak tak banyak, saya tahu dalam peruntukan kerajaan wang kerajaan masih banyak lagi setahun RM500.00, kalau dua tahun baru satu juta ini khusus untuk rakyat termiskin membaiki atau membina rumah semula sangat penting bagi kita mungkin kita tidak pernah mengalami yang sebegitu peritnya hidup, tetapi golongan rakyat termiskin mereka amat-amat memerlukan ini. Saya berharap Kerajaan Negeri secara serius dan mempertimbangkan. Setakat ini Pusat Urus Zakat ada beri bantuan PERDA ada beri bantuan, sekarang kita minta Kerajaan Negeri juga menyumbang ke arah ini.

YB. Tuan Speaker, kerajaan yang baru ditubuhkan ini banyak langkah-langkah yang diambil tetapi langkah-langkah yang diambil ini kadang kalanya merupakan pendekatan *populist* maaf cakap saya guna perkataan itu untuk menarik hati rakyat supaya gembira, sebahagian daripadanya, sebagai contoh memberi beras sekampit untuk keluarga miskin, bagus beri sekampit seorang tetapi cuma sekali sahaja, yang saya hendak perkatakan di sini ialah mengapa hendak beri beras sekampit yang beratnya lebih kurang 5 kilogram yang diberi di tempat-tempat tertentu seperti di Seberang Perai Utara di Pejabat Kebajikan Masyarakat. Orang-orang di kawasan saya, Kuala Muda atau di DUN Pinang Tunggal hendak datang ke Butterworth hendak ambil beras itu tambang kereta, sewa kereta lebih mahal daripada harga beras, ini yang dipersoalkan, mengapa kalau tidak hendak tolong pergi hantar ke rumah dan panggil heboh, riu, bum bang, bum bang, hendak beri beras sekampit, beras sekampit banyak orang beri terutama masa raya esok lebih banyak orang beri betul Permatang Pasir, oh tidak sokong. Ini adalah sekampit, marilah kita memikirkan, bukan saya tidak menghargai bukan kita tidak menghargai bantuan itu tetapi janganlah kita menyusahkan rakyat kerana hendak dapat beras sekampit terpaksa

sewa kereta, sewa teksi, mereka orang susah, basikal pun setengah tidak ada tak kan hendak kayuh 20 batu datang pergi ambil beras itu, begitu juga cermin mata yang diberikan terima kasih, tetapi biarlah yang lebih menyenangkan rakyat yang mendapat bantuan itu.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli Kawasan Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhammad Farid bin Saad):**

Sedarkah Yang Berhormat Penaga bahawa beras-beras yang diberi itu ialah jenis berkualiti rendah yang dikatakan sebagai beras hancur dan sedarkah YB. Penaga bahawa hari ini masih ada lagi beras-beras yang belum diedarkan kepada rakyat miskin yang memerlukannya, contohnya di Pejabat Kebajikan Masyarakat Balik Pulau masih ada 60 beg lagi yang belum diedarkan, saya tidak pasti tempat-tempat lain, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Kalau tanya saya sedapakah saya memang sedap kalau tidak sedap kena bubuh seguni kemenyan, *joke* sat. Pokoknya saya tidak tahu beras itu beras patahkah, beras murahan kah beras yang telah dimakan oleh bubuk, kalau 60 kampil, 60 bungkus yang masih berada di Balik Pulau ini amat mengecewakan. Sepatutnya beras itu diberi kepada golongan miskin tetapi golongan miskinpun tidak mahu makan beras itu alangkah anehnya, alangkah pelik.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat):**

Penjelasan, sebelum saya pergi ke soal tentang beras tadi, saya ada persoalan untuk bertanya kepada wakil daripada Penaga yang apa sebelum ini adalah sebagai Ahli EXCO bahagian pertanian. Saya tidak tahu selama 5 tahun wakil apa yang wakil daripada Penaga buat berkenaan dengan masalah tebatan di seluruh Pulau Pinang. Berkenaan dengan beras yang telah wakil dari Penaga kata tadi saya berasa hampa dengan penjelasan tadi sebab kerajaan baru mampu memberi bantuan, sedikit bantuan kepada rakyat yang termiskin di Negeri Pulau Pinang ini adalah satu sumbangan yang

selama ini pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah berikan, tidak pernah buat kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Tuan Yang DiPertua, saya minta laluan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Tuan Tan Beng Huat):**

Nanti, beri saya habiskan hujah dahulu, walaupun apa beras yang diberikan tetapi setahu saya pihak kerajaan adamendapatkan bantuan daripada Pihak Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk menguruskan beras ini, jadi ini bermakna LPN punya beras semua hancur semua tidak berkualiti, apakah hujah yang sedemikian. Bagi pihak siapakah Ketua Pembangkang hendak sampai ke Dewan ini, ini seolah-olah tidak hormat sama negara kita langsung.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin b. Yahaya):**

Minta laluan, Tuan Yang Dipertua minta laluan, saya rasa pandangan yang dikemukakan oleh wakil daripada Jawi adalah tidak berasas dan tidak menunjukkan beliau tidak mengikut perkembangan-perkembangan yang telah dijalankan oleh kerajaan sebelum ini. Sebenarnya pemberian, bukan setakat beras, kita telah membuat pemberian-pemberian yang pelbagai termasuklah memberikan rumah dan sebagainya, saya ingin memaklumkan bahawa pemberian beras yang diberikan oleh kerajaan sebelum ini bukan sekali ini malah berterusan bukan *one off* saya telah menerima jawapan daripada Ketua Menteri yang menjawab bahawa pemberian beras ini adalah *one off* sekali sahaja. Tetapi kerajaan sebelum ini memberi bantuan beras ini berterusan di mana ada sahaja orang susah di hantar ke rumah dan pada setiap kali hari raya memang kita berikan bantuan beras yang begitu banyak cuma saya hendak persoalan satu lagi atau pun mendapat penjelasan. Saya difahamkan bahawa yang membekalkan beras ini pada Kerajaan Negeri sebelum ini ialah Syarikat Serba Wangi Sdn. Bhd. dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM122,272.00 adakah pemberian hak pembekalan kepada Syarikat Serba Wangi ini juga telah dibuat secara tender, secara *open tender* berdasarkan kepada CAT yang diperkenalkan oleh *State Government*, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Apa yang dibangkitkan oleh YB. Jawi itu telah diperjelaskan oleh Permatang Berangan, kalau kata saya tidak menghargai itu adalah salah, pasti YB. Jawi sedang lena atau tertidur, saya katakan tadi saya menghargai dan terima kasih cuma saya bangkitkan masalah hendak mengambil beras itu, betapa jauhnya daripada pusat pembahagian, bukan saya kata beras ini jangan makan jangan ambil, apa tiada harga saya menghargai dan terima kasih, check balik handsard yang saya bangkitkan betapa jauhnya daripada Kuala Muda hendak sampai di Bagan, tambang bas, tambang kereta, sewa kereta hendak ambil, itu yang diperkatakan tadi beras itu, tadi YB. Jawi kata LPN, LPP sekarang bukan syarikat LPP, tender pula dipersoalkan, tidak mengapa yang itu kemudian jawab. Adakah tender itu secara terbuka yang dilaung-laung oleh CAT itu dan sebagainya.

Satu lagi ialah Tuan Speaker, mengenai dengan pembatalan semua saman-saman yang bersangkutan paut dengan penjaja dan letak kereta, apabila kerajaan baru ini memenangi pilihan raya, jumlahnya banyak mana, jumlahnya di MPPP 180,000 kes berjumlah RM4.4. juta. Penjaja 351,000 kes jumlahnya ialah RM10.5 juta total MPPP 14.9 juta, MPSP letak kereta 581,670 kes, jumlah 14.5 juta. Kes penjaja 2,360 kes, kompaun yang sepatut dibayar ialah perpuluhan 6 juta jadi campur MPPP campur kompaun yang patut di kenakan oleh MPSP ialah RM30 juta yang itu, telah dikecualikan oleh Kerajaan Negeri kerana hendak beri hati rakyat seronok, gembira RM30 juta.

Saya hendak bertanya apa hal dengan orang yang sudah menjelaskan kompaun mereka, apakah Kerajaan Negeri menjaga orang yang membuat salah dan orang yang mengikut peraturan dan undang-undang dan soalan satu lagi apakah orang yang sudah bayar kompaun itu boleh buat tuntutan kerana dia telah bayar saya tidak persoal lagi *legal* aspek, ada parti keadilan pun ada di sini. Ini wang rakyat, jangan cakap pasal kita berjimat cermat, kita nak ekonomi, kapal terbang, kita tidak mahu membazir, tetapi kita telah menyeleweng RM30 juta wang rakyat, begitu saja kerana kita hendak beri hati rakyat seronok, wal hal bukan semua seronok yang kena kompaun itu mereka seronoklah yang rata-ratanya kita ada 1.5

juta orang, saya harap mendapat penjelasan nanti semasa pergulungan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta laluan, YB. Tuan Speaker, bolehkah Ahli Yang Berhormat daripada Penaga bagi macam mana dakwaan, tuduhan bahawa Kerajaan Negeri baru ini menyeleweng RM30 juta, macam mana, kena memberi satu penjelasan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Ya, patutnya itu dikutip kompaun-kompaun yang harus dibayar oleh orang yang membuat salah ini, tetapi jikalau kita melepaskan berertinya RM30 juta itu hilang daripada tabung penyelewenglah itu, penyeleweng ertinya sepatut itu dikumpul dan tidak dikumpul, manakah amanahnya, manakah keadilan ini, RM30 juta hilang begitu hangus, penyelewenglah itu, sepatutnya amanah yang telah diberi kepada kerajaan untuk memungut wang itu tetapi tidak dipungut, itu penyeleweng.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta laluan, YB. Tuan Speaker, nombor satu bolehkah kami serah satu kamus bagi dia apakah maksud dan erti penyeleweng itu, kedua bolehkah Ahli Yang Berhormat daripada Penaga selaku seorang yang lama di dalam Dewan yang mulia ini juga seorang EXCO boleh beri satu keterangan mengapa ada begitu banyak kompaun-kompaun yang tidak dapat dikutip sepanjang ini sehinggalah terpaksa *carry forward* tetapi apa yang penting sekali adalah bolehkah dia faham bahasa penyelewengan RM30 juta kalau tidak dia harus menarik balik kerana ini tuduhan yang liar bahawa seolah-olah memberi satu gambaran bahawa kerajaan baru telah mempunyai sebanyak RM30 juta sepatutnya satu sen kerajaan tidak mengambil, bolehkah beri satu keterangan, jikalau tiada harus ditarik balik.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Azhar bin Ibrahim):**

RM30 juta itu kemana perginya....(Gangguan), saya tidak menuduh makan duit, penyeleweng daripada tanggungjawab, ..... (gangguan), tengok perangai dia, saya beri tengok bila dia bangun hendak bercakap perangai macam ini, yang saya tidak tuduh makan

duit menyeleweng daripada tanggungjawab,

sepatutnya pungut, tetapi tidak pungut, pasal apa tidak pungut tanyalah pihak-pihak berwajib yang memegang dalam jawatan itu, mengapa tanya saya, gangguan ala tak berapa hebat sangat *you*, *you* seorang hendak cakap.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

YB. Tuan Speaker, YB. dari Penaga berkata RM30 juta telah, ini wang rakyat kerajaan bukan salah guna, wang rakyat itu memang ada dalam poket rakyat, kita tidak mengambil wang rakyat itu, dan mengatakan kerajaan salah guna itu memang salah, kita tidak menggunakan wang rakyat, kita bukan macam Barisan Nasional, *you* simpanlah duit jangan kasi, rakyat yang susah peniaga-peniaga kecil yang kena saman banyak kali oleh MPPP, MPSP yang tidak bertanggungjawab kita panggil dia orang kerana bagi rakyat susah terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

YB. Tuan Speaker, minta laluan, terima kasih YB. Tuan Speaker, berkenaan dengan penyelewengan, penyelewengan bukan semestinya kita makan duit, tetapi bagi isu cadangan supaya tidak dikutip kompaun yang dikenakan ini, kita hendaklah merujuk kepada asasnya kutipan kompaun diwujudkan melalui peraturan, undang-undang dan akta-akta yang telah tersedia. Akta ini telah diwujudkan untuk membolehkan kerajaan atau pun pihak pengurusan pentadbiran negeri dengan amanah yang diberikan daripada undang-undang itu mengutip kompaun yang berkenaan. Isu sekarang ialah apabila kompaun itu tidak dikutip bermakna Kerajaan Negeri tidak mematuhi akta yang berkenaan. Amanah yang telah diletakkan menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri, yang menjadi teraniaya ialah rakyat keseluruhan kerana sepatutnya jumlah kompaun yang dikutip itu akan digunakan untuk faedah rakyat, rakyat perlukan infrastruktur, rakyat perlukan wang dan kemudahan yang seharusnya disediakan oleh pihak kerajaan, sekarang kerajaan sekarang kata kerajaan kurang duit, kerajaan tidak ada sumber pendapatan untuk menyediakan keperluan-keperluan kepada rakyat

dengan sesempurnanya habis kenapa setelah diberikan amanah

setelah adanya peraturan dan peruntukan supaya kita mengutip kompaun dan kompaun ini pun telah diterima secara urufnya kebiasaannya oleh semua rakyat tidak ada pun rakyat yang membantah kompaun tersebut kerana itu adalah kesalahan yang telah mereka lakukan dan mereka patut membayar kompaun itu.

Apabila kerajaan tidak mengutip kompaun itu, ini sudah menunjukkan satu keadaan bahawa kerajaan tidak amanah yang dikatakan akaun utibiliti dalam CAT itu menunjukan kerajaan tidak amanah, tidak melaksanakan akta yang telah pun dipersetujui di peringkat kabinet yang telah dipersetujui di peringkat negeri dan sebagainya, YB. Tuan Speaker, minta maaf di sini saya yang dikatakan penyelewengan yang berlaku ini ialah kerana Kerajaan Negeri sekarang tidak melaksanakan peruntukan dan undang-undang yang telah dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Negeri untuk menjalankan kutipan kompaun itu tadi supaya kompaun yang sebenarnya sepatutnya diberikan untuk memanfaatkan semua rakyat dapat dilaksanakan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh a/ Karpal Singh):**

YB. Tuan Speaker, terima kasih tadi apa yang YB. Penaga katakan bahawa sememangnya rakyat memerlukan wang supaya projek-projek infrastruktur boleh dijalankan amat betul, tetapi kita tidak mahu mengambil wang daripada rakyat untuk menjayai infrastruktur tersebut kita ada banyak wang, kita tahu, kita tengok Petronas berapa *bilion* dia punya *profit* mana duit daripada Petronas disalurkan kepada rakyat di Pulau Pinang bukan apa yang Kerajaan Persekutuan buat, mereka hendak mengendalakan projek-projek mega yang telah pun dijanjikan kalau betul-betul hendak pelihara rakyat dapat duit daripada Kerajaan Pusat, minta Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan jaga rakyat di Pulau Pinang *after all* ... (dengan izin). YB. Tuan Speaker... (gangguan), saya minta menjelaskan *after all* Perdana Menteri adalah seorang anak Pulau Pinang, mengapa dia membuat tindakan macam ini, mengapa dia tidak salurkan duit *profit* yang diperolehi Petronas mengapa tidak disalurkan ke Pulau Pinang dan apa Ahli Yang Berhormat Penaga

tadi mengatakan mesti jaga-jaga perkataan yang digunakan tadi, mungkin boleh semak juga hansard.

Saya dengar YB. Penaga bertanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang, apa berlaku pada RM30 juta tersebut, saya dengar itu tadi, itu bermakna RM30 juta tersebut telah diambil dan telah diseleweng, itu yang kita tidak setuju dan itu yang kita YB. Penaga menarik balik dan berkenaan YB. itu tadi menjelaskan penyelewengan itu adalah dari segi kita tidak melaksanakan amanah dari segi undang-undang dan sebagainya kami tidak laksanakan, tugas kita untuk mengutip saman tersebut itu tidak betul, Ketua Menteri Pulau Pinang ada hak memberi *amnesty* kepada orang yang ada saman tersebut. Bukan isu dia tidak ikut undang-undang itu tidak betul, itu mesti ditarik balik dia ada hak untuk memberi *amnesty* itu yang telah dibuat.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tadi YB. Datok Keramat bertanyakan kepada saya ke mana duit itu pergi, YB. Bagan Dalam telah jawab dalam poket orang yang tidak bayar kompaun, dia dah jawab jelas tadi, tidak perlu saya jawab lagi di mana seharusnya kompaun itu dibayar akan jadi wang rakyat tetapi ada dalam poket mereka, ini yang dipersoalkan bahawa tidak menjalankan tanggungjawab Okay.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):**

YB. Tuan Speaker, kami semua sedar dalam perkara ini adalah undang-undang tertentu sedarkah di mana apabila seorang telah dikeluarkan satu kompaun tidak semestinya dia ada kesalahan kerana di Malaysia ada mengamalkan bahawanya dengan YB. Tuan Speaker ...(dengan izin)... *the accused is innocent unless proven guilty* di sini kami telah melihatnya pada 8 Mac ada begitu banyak kompaun-kompaun yang belum selesai dikumpul begitu banyak yang tidak dapat selesai itu terbukti dan sedarkah Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu tidak bertanggungjawab untuk selesaikan semua, tidak selesaikan semua oleh terpaksa ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker, *on the economic skill* jikalau mereka tidak bayar kami kena ambil peguam supaya meminta mereka pergi ke makamah supaya membuktikan dan akan mengambil masa begitu panjang kemungkinan kewangan begitu lebih daripada RM30 juta untuk membersihkan, kami oleh Ketua Menteri yang baru menggunakan haknya untuk *declare amnesty* kepada semua orang, kami ada



berkata pada mulai hari ini semua kompaun-kompaun mesti dibayar

kalau tidak membayar harus pergi ke makamah untuk diselesaikan, inilah menunjuk bahawa kerajaan baru telah dikuatkuasakan bukan seperti Barisan Nasional pada masa itu tidak mengambil tanggungjawab membiarkan perkara ini terkumpul begitu banyak dan saya ingin dalam Dewan yang mulia ini bahawa Ahli Yang Berhormat dari Penaga menarik balik tuduhan bahawa kerajaan baru menyelewengkan sebanyak RM30 juta ini tidak berasas, sebagai seorang *gentlemen* dia harus menarik balik.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

YB. Tuan Speaker, saya hendak merujuk kepada apa yang diucapkan oleh YB. Sungai Puyu seolah-olah Sungai Puyu tidak yakin dan mempertikaikan kewibawaan Majlis-majlis Perbandaran yang ada di Pulau Pinang seperti mereka tidak tahu melakukan pekerjaan mereka, mereka tidak tahu bagaimana untuk mengutip kompaun dan sebagainya. Jadi saya rasa kesal juga kerana YB. Sungai Puyu adalah pihak kerajaan sekarang. Majlis Perbandaran adalah kerajaan di bawah YB. Sungai Puyu juga, tetapi hari ini YB. Sungai Puyu mempertikaikan kredibiliti Majlis Perbandaran khususnya dalam memungut kompaun-kompaun tersebut dan dalam hal ini kalau kita lihat sebenarnya Majlis Perbandaran melakukan kutipan atau pun mengeluarkan saman kompaun dan sebagainya begitu banyak, itu menandakan mereka telah melakukan pekerjaan mereka, bahagian penguatkuasa Majlis-majlis Perbandaran sebelum ini telah melakukan tugas mereka yang begitu cemerlang sebab itu banyak kes-kes yang dapat dikompaunkan bagi orang-orang yang tidak mengikut peraturan, orang yang tidak mengikut peraturan cuma masalah kutipan kompaun itu mungkin tertunggak itu kerana masalah pentadbiran masalah kekurangan seperti tidak cukupnya kakitangan tidak adanya makamah yang sebagaimana makamah trafik yang diwujudkan khas untuk membicarakan kes-kes ini dan sebagainya, itu menyebabkan kutipan kompaun tersebut mungkin tertunggak, tetapi adakah dengan hanya kutipan tertunggak itu tadi untuk menunjukkan Kerajaan Negeri yang sekarang ini cekap dan bersih lantas kita membatalkan semua kompaun tersebut. Tetapi adakah dengan hanya kutipan yang tertunggak tadi untuk menunjukkan Kerajaan Negeri yang sekarang ini cekap dan bersih

lantas kita membatalkan semua kompaun tersebut. Itu satu tindakan bijak atau tidak, itu soalan saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan. Minta penjelasan. Yang DiPertua. Di Seberang Perai, pihak MPSP telah wujudkan dua mahkamah khas untuk menyelesaikan masalah ini. Satu, di Bagan Luar, satu di Jalan Betik, Bukit Mertajam. Adakah Ahli Yang Berhormat faham, bahawanya, apa-apa kompaun yang, atau denda yang dikutip, yang dikutip dalam mahkamah akan disalurkan kepada Kerajaan Pusat. Jikalau, Barisan Nasional begitu bijaksana, mengapa kehendak mewujudkan dua mahkamah *municipal*, satu di Bagan Luar, satu di Bukit Mertajam, mengapa? Mengapa kehendak diwujudkan dua? Adakah mereka tidak ada keyakinan sendiri dalam ni, mahkamah ke mahkamah Kerajaan Persekutuan, satu. Keduanya, ada atau tak ada, mereka faham bahawa mereka telah menggunakan duit rakyat untuk membinakan Mahkamah Munisipal di Butterworth dan di BM gunakan kewangan MPSP sehingga hari ini MPSP menghadapi masalah kewangan. Kedua, proses untuk membawa mereka pi mahkamah dibiayai oleh, Kerajaan Tempatan iaitu MPSP dan apa-apa kutipannya telah disalurkan kepada Kerajaan Pusat. Sedarkah macam ni, sedarkah bahawanya di segi perundangan, bahawanya, *the innocent...*(dengan izin), *the accused is innocent unless proven guilty*. Di sini, apabila mengatakan kompaun dikeluarkan, adakah Yang Berhormat semestinya, semestinya kata, bila keluar kompaun dia sudah salah, dan mesti dihukum. Di manakah ada, orang kata *justice for all*, ... (dengan izin), YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

(gangguan). Sila Yang Berhormat jelaskan.

**Adun Kawasan Telok Bahang (YB. Dato Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

YB. Tuan Speaker, saya dengar penjelasan banyak sangat yang di pohon makin lama makin tak jelas.

**YB. Tuan Speaker:**

Ya, saya takut yang ni sekarang jadi yang minta penjelasan ni semua dah jadi buat ceramah. Jadi, laluan apa ni, ketua pembangkang nanti terhad nanti. Saya bimbang gitu. Tapi tak pa, Telok Bahang boleh sambung.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Kira Telok Bahang *special* la sikit. Pasal saya menang dulu. Betul. Betul dak menang. Terima kasih Tuan Speaker. Memang makin banyak penjelasan makin tak jelas isu ni. Sebenarnya, isu *simple* saja. Kita, Kerajaan Negeri, Ketua Menteri ada bercakap, kerajaan tak dak duit, MPPP tak dak duit, MPSP tak dak duit. Kompaun ada RM30 bilion, yang tak di kutip. Kenapa nak mansuhkan itu? Bila mansuhkan itu, potensi nak dapatkan RM30 bilion itu habis. *On the same time*, ada soalan lain lagi. Yang dah bayar kompaun apa hal, *not fair*. Adakah kerajaan atau pun MPSP bersedia untuk nak, nak, apa dia, nak bayar balik, nak bayar balik kompaun dia tu. Ini soalan dia. Mana kalau itu berlaku, makna, nak bagi jelas, nak bagi adil, kena bayar balik la. Itu akan mengurangkan lagi duit kita, duit MPPP, duit MPSP, itu saja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tuan Speaker tadi mengatakan bahawa nanti waktu untuk saya berbahas saya dah bagi dah banyak dah. Sekarang ni, *no more*, okay. Bukan soal takut ya, saya boleh jawab, boleh bagi, tapi bila dah terlalu banyak sangat bagi pun meruginya saya, okay, okay. Jangan minta lagi laluan lagi dah. Satu lagi YB. Tuan Speaker, ia ini mengenai dengan kenaikan elaun Guru KAFA, RM50.00, okay. Elaun Guru KAFA ialah RM500.00 sebulan yang dibiayai oleh Kerajaan Federal, RM50.00 ditambah oleh Kerajaan Negeri, bagus! Cuma janganlah bising sangat bagi RM50 sebulan tu. Janganlah bising sangat, riuh macam telur sebiji riuh sekampung, ayam bertelur sebiji riuh sekampung. Okay, tadak bagi dah, *you* pun saya dah bagi dah tadi. Tahu dak, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan Melaka, tambah RM580.00 sebulan, RM580.00 sebulan, senyap ja. Jadi *Federal* bagi RM500.00 di tambah RM580.00, jadi RM1080.00. Jadi timbangkanlah ya, timbangkan. Saya menghargai RM50.00, terima kasih, tapi timbangkan tengok apa yang saya perkatkan tadi. Satu lagi perkara yang menarik ialah tender terbuka, Yang Amat Berhormat jumpa hari tu, jumpa dengan ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Boleh saya jelaskan, sebelum Yang Berhormat Penaga meneruskan, telah dibangkitkan oleh saya, dan juga oleh Yang Berhormat Sungai Puyu tadi, berkenaan isu bahawa, Kerajaan Negeri telah menyelewengkan duit RM30 juta tersebut, dan juga Sungai Puyu telah minta supaya tarik balik. Saya ingin membuat satu *point of order* peraturan mesyuarat di sini di bawah 46, supaya ia ditarik balik. Kerana ini adalah satu *allegation* yang liar. Saya hendak satu keputusan dibuat, Yang Arif, Yang Berhormat, Tuan Speaker ...(gangguan). Ini adalah perkataan yang sememangnya menyakitkan hati atau pun menyentuh peribadi terutamanya Ketua Menteri Pulau Pinang, yang telah menggunakan kebaikan hati dia untuk *reduce* beban pada rakyat, tapi dipusing di putar-belit, dan dinyatakan satu fakta yang tidak betul iaitu kita telah seleweng duit RM30 juta. Saya hendak buat satu *point of order*, supaya Penaga tarik balik perkataan tersebut ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya tidak bermaksud kata menyeleweng dari segi kewangan. Saya kata menyeleweng dari segi tanggungjawab ....(gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Ini adalah berkaitan dengan *point of order*, saya bukan nak hadkan itu Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk membuat ucapan. Saya memang nak berikan dia peluang yang minta Tuan Speaker berikan ruang yang penuh. Tetapi di sini, tidak boleh dinafikan, Yang Berhormat Ketua Pembangkang seperti yang di sebut oleh Datuk Keramat tadi telah pernah menyatakan bahawa kerajaan telah menyelewengkan wang RM30 juta dan sekiranya Yang Berhormat Ketua Pembangkang tak akui saya rasa, kita *gentlemen*, kalau ada cakap, cakap, kalau nak cakap perkara lain, betulkan bahasa kerana kita tak selewengkan 1 sen pun wang rakyat. Macam mana boleh selewengkan sampai RM30 juta. So,

saya rasa itu tak betul. Dan harap Yang Berhormat Ketua Pembangkang, *gentle* lah, dalam perkara ini. Sekian.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

...(gangguan), seleweng dari segi bukan duit, seleweng tanggungjawab....(gangguan). Kalau nak berhujah, Sungai Puyu pun kata tadi, yang kelmarin tak dak hari ni, Barisan Nasional *corrupt* rasuah. Kami diam saja, kami diam, kami ya, bukan tak sakit hati, sakit hati, tapi kami ingat ni kerja ....(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

(gangguan)... Yang Berhormat, bila Speaker bercakap, duduk ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

(gangguan).... Saya nak satu keputusan, supaya dia tarik balik di bawah 46.

**Y.B. Tuan Speaker:**

Saya akan buat keputusan, saya akan buat keputusan. Saya tak nak Yang Berhormat Penaga teruskan perkataan menyeleweng, lepas ni. Kita teruskan perbahasan, tapi hentikan menyeleweng bukanlah perkataan yang, yang sesuai dalam konteks ini, jadi, teruskan.

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

Ini cuma, perkataan menyeleweng, awal-awal ini digunakan RM30 juta, itu yang kita pertikaikan. Ini kita perlu satu keputusan. Boleh dikatakan menyeleweng dari tanggungjawab, itu saya rasa okay, tak ada apa-apa. Tapi menyeleweng RM30 juta, ini bermakna kita sudah habiskan duit, duit rakyat RM30 juta, ini serius, keterlaluan (gangguan). Saya tadi nyatakan, bahawa dia telah menyatakan, Kerajaan Negeri menyeleweng duit RM30 juta, betul atau tidak?

*Gentleman* atau tidak, betul? Mengakui atau tidak? Kalau betul tarik balik. Saya cabar, saya cabar Penaga untuk menafikan kerana saya dengar, seluruh Dewan ini dengar, saya cabar kamu untuk menafikan kalau tak menafikan tarik balik ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

RM30 juta sepatut wang yang telah dikutip. Yang boleh dikutip, tetapi tak dikutip ...(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Semua duduk. Peraturan 28. Tolong, peraturan 28.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):**

(bangun hendak bercakap).

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

(bangun hendak bercakap).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Tuan Phee Boon Poh):**

Bangun minta jalan, YB. Tuan Speaker, semak hansard, semak hansard)

**YB. Tuan Speaker:**

Saya nak hentikan di sini. Saya akan buat keputusan di sini. Semua duduk, semua duduk. Peraturan 28. Tolong, Speaker cakap duduk, sila duduk. Saya akan membuat keputusan di sini. Perkataan 'seleweng' yang digunakan itu tidak sesuai, tidak menepati teks dan saya nak hentikan disini. Jangan ulangi. Mungkin perkataan yang lebih sesuai digunakan dan saya nak minta Penaga teruskan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

YB. Tuan Speaker, perkara selanjutnya ialah mengenai dengan kontraktor Kelas F. Satu perjumpaan Y.A.B. Ketua Menteri telah bertemu dengan kontraktor-kontraktor Bumiputera Kelas F

maka, berada dialog di situ dan sebagainya. Kontraktor pun kata wah bagus, ...(tepek meja), inilah Ketua Menteri yang pertama datang harapan kami sangat tinggi dan semua *good*. Lepas itu saya dimaklumkan bahawa kontraktor sekarang banyak yang sudah mahu gulung tikar, apa terjadi.

Cabut undi dijalankan, memang, cumanya RM5,000 hingga RM20,000. Kalaulah seorang kontraktor itu dapat satu kontrak RM5,000, kata *profit margin* dia, kadar keuntungannya 30% cukup tinggi dah tu, biasanya 20% kita kata 30%. RM5,000 baru RM1,500. Cabut undi tunggu giliran pula, kerja datang baru cabut undi pula. Sehingga kini belum lagi habis satu pusingan, dah berapa bulan dah 4, 5, 6, 7, 4 bulan. Kata si A dah dapat, dia nak tunggu 4 bulan tak habis lagi, ya pusingan itu supaya ...(dengan izin), kadar keuntungan 30% ertinya lebih kurang RM1,500. Keuntungan, kalau 5 bulan dia terpaksa tunggu baru dapat next round, bererti sebulan dia dapat RM300. Eloklah masukkan kontraktor-kontraktor Kelas F ini sebagai golongan rakyat termiskin supaya depa boleh dapat bantuan. Sebab itu banyak yang nak tutup. Kerja tak ada di Pulau Pinang. Kurang sangat yang ditawarkan. Inilah masalahnya yang kata usahawan Bumiputera untuk membantu kontraktor Kelas F ini, ini yang terjadi. Pergi tanya kontraktor-kontraktor Kelas F di bawah sana, di luar sana.

YB. Tuan Speaker, saya pun nak cepat-cepatlah. Yang ini tentang kenderaan, *good news* ...(dengan izin) *for Penang Bus Commuters*, katanya statement ini dibuat pada 17 Jun 2008 oleh salah seorang daripada Ahli EXCO kita mengatakan Kerajaan Pusat sedang dalam apa ini, simpanan RM50 juta lagi untuk rakyat, untuk pengangkutan. Setahu saya RM50 juta ini dulu, masa Kerajaan Barisan Nasional dulu runding nak minta RM50 juta untuk menyediakan bas-bas awam. Tetapi dalam perundingan itu, kata kerajaan atau *Municipal Council* nak mengendalikan bas itu mungkin agak sukar kerana dulu sudahpun Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengadakan perkhidmatan bas agak susah tu, jadi telah dilantik Rapid Penang datang. Bila Rapid Penang datang dengan membawa bas 100 biji dan ditambah lagi 150 biji, saya tak tahulah, duit RM50 juta itu, dengan *automatik* nya mansuh, tak dak lagi.

Jadi kalau nak tambah bas itu kenalah buat permohonan lain untuk buat perancangan lain. Yang kata RM50 juta itu yang nak disampaikan kepada Kerajaan Negeri, persoalannya dah tak *valid*

sekarang. Janganlah beri harapan kepada rakyat, rakyat fikir-fikir oh ada RM50 juta, *no* tidak ada.

Seterusnya YB. Tuan Speaker, mengenai dengan syor tanda jalan dalam tiga bahasa, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa India. Tak ada dalam dunia saya rasa buat macam itu. Awat tak tambah Bahasa Arab satu lagi. Bagi cukup empat. Pelancong Arab pun banyak datang. Pergi la ke ceruk merata dunia pun... (gangguan) .

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Tuan Koay Teng Hai):**

Minta penjelasan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tak bagi dah, duduk, saya dah bagi cukup banyak tadi, jangan kata saya tak berani nak bagi dah. Ya, dah banyak dah. Kalau tempat-tempat pelawat bubuh kesemua bahasa, *no problem*. Ya, Bukit Bendera, *you* boleh bubuh nama jalan itu, apa ini nama tempat itu, penerangan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Jepun, Bahasa India, Bahasa Cina, boleh tulis, tempat-tempat lawatan khusus, bukan nama jalan, jadi besar ni nanti nama jalan tu. Itu secara logik la, apalah ni dan kerana pemikiran yang begini hebat, idea yang begini besar, maka elaun ahli majlis diminta ditambah. Ahli-ahli Majlis meminta tambahan elaun.

Kalau diizinkan YB. Tuan Speaker, Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP memohon supaya Kerajaan Negeri mengkaji semula kadar elaun perkhidmatan yang diberikan kepada mereka selaras dengan beban kerja yang semakin meningkat pada masa ini. Surat khabar Utusan, Mingguan Malaysia, 29.6.2008 dan juga ... (yang ini boikot kan?). STAR, 26.6.2008. *You check* la dengan surat khabar, apakah yang saya cakap ini tak betul, kerana nak pakat idea yang begitu besar kena bubuh, teruk sangat dah kena fikir apa yang nak buat produk pelancongan ini, bukan aktiviti pelancongan, aktiviti berseparah buat produk pelancongan papan tanda besar-besar ini, makanya kena bagi elaun lebih Ahli Majlis. Dalam keadaan yang tak menentu ini, ekonomi yang tak menentu ini, kita tahu harga padi



kekal. Harga padi kekal RM650 setan, tapi macam mana pula dengan harga sewa jentuai, sewa bajak, harga racun, harga benih. Jualan sama juga tapi kos-kos pengeluaran ini meningkat. Memang harga padi ini adalah harga kawalan, persoalannya.

Apakah sumbangan Kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan aktiviti golongan ini supaya memperbagaikan penambahan pendapatan? Kerajaan Barisan Nasional dulu, kita peruntukkan 2006, 2007, tahun itu RM3 juta untuk membekalkan peralatan dan barangan bagi kegiatan industri asas tani. Nak buat keropok ka, nak buat sos ka, nak buat kuih ka, kita bagi peralatan kepada kumpulan-kumpulan atau individu-individu. Kita tahu kos meningkat harga pengeluaran padi semakin meningkat, harga padi dok begitu juga, kita bantu cara itu, menambahkan pengeluaran petani, penternak, nelayan dan sebagainya. Itu yang diharapkan. Itulah yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri supaya dapat membantu golongan luar bandar ini.

Satu lagi Tan Sri, eh... YB. Tuan Speaker, tapi insya-Allah lama-lama dapat Tan Sri. YB. Tuan Speaker, saya pun hairan kenapa YAB. Ketua Menteri tak bagi gelaran Dato' kepada Speaker, senang panggil Dato' Speaker. Dia paling tinggi tu, tak hormat langsung.

**YB. Tuan Speaker:**

Terima kasih atas pandangan, terima kasih. Lepas ini agaknya.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Tadi saya dengar dan terpanggil untuk membangkitkan *point* ini apabila YB. Pulau Tikus menyatakan semakin hari semakin banyak masalah jenayah. Apakah jenayah semakin meningkat sejak prinsip CAT ini. Pulau Tikus menghantar CAT.

Okay, kita tidak tahu, kita tak boleh tuduh sama ada orang-orang tempatan atau pun pendatang-pendatang. Kita tidak tahu dan saya tidak menuduh. Tapi yang saya tahu pendatang asing tanpa izin, parti ini banyak di Negeri Pulau Pinang, apakah tindakan kita? Kalau Sabah sekarang dalam proses menghantar pulang parti ini ke Negara asal, apa hal dengan Pulau Pinang. Dalam keadaan

ekonomi yang serba tertekan ini, biarlah keutamaan kerja-kerja itu diberi kepada rakyat Pulau Pinang. Biarlah peluang-peluang pekerjaan ini, perniagaan ini diberi kepada rakyat Pulau Pinang. KOMTAR contohnya di belakang KFC, lantai dua itu, saya masuk-masuk seperti macam di Medan. Jual jamu ada, jual kain ada, kaset ada semuanya rakyat Indonesia.

Okay, sekarang saya menyeru kepada Kerajaan Negeri dan meminta kepada Imigresen. Imigresen membuat di setiap premis yang disyaki mempunyai pendatang tanpa izin. Kilang-kilang haram di merata tempat di Pulau Pinang dari semasa ke masa ke semasa. Jangan hanya kepada tempat-tempat hiburan dok tangkap *China-doll*, *baby doll* itu sahaja, banyak yang ditangkap. Kita hendak Imigresen buat *spot-check* itu supaya keadaan kita di Pulau Pinang ini lebih selesa. Jangan hanya di Sabah ditumpukan tetapi juga di Pulau Pinang. Ini harus dilaksanakan seberapa segera. Saya kluatir kadang-kadang memikirkan kilang di Pulau Pinang. Hari itu kilang Nikko telah ditutup, mendatangkan masalah siapa lihat Ahli Parlimen Perai, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Perai *interview* lah mahkamah, katanya masa kejadian itu beliau tidak ada di sini, *I was in London*, itu soalnya lah, tak pedulilah. Adakah dia nak pergi ke London atas urusan peribadi ka atas urusan parti ka, tapi jangan duit kerajaan, kalau duit kerajaan harus bertanggungjawab beri cerita kepada kita apa dia buat. Dia pi dengan siapa ka, itu tak pedulilah. Kalau duit parti, *you* jawab. Kalau bukan duit parti, tak perlu jawab. Buat apa pergi, dengan siapa pergi, *Sorry* duit kerajaan, kalau kempen jawatan dalam DAP ka, itu soal lain, kalau duit Kerajaan Negeri, *you* tanggungjawab kena bagi tau.

**YB. Tuan Speaker:**

Jangan nanti jatuh bawah menyindir. Bawah peraturan menyindir dan menyakitkan hati.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Dak, dak, dak dia kata itu duit peribadi, sendiri. Yang saya nak bangkitkan sini, kilang tutup, *well documented* semua tahu ... (dengan izin). Kemudian oleh kerana EU telah membatalkan mengharamkan pembelian barang-barang hasil laut yang dibekukan. EU telah mengharamkan pembelian makanan laut yang dibekukan di Malaysia, Pulau Pinang juga terlibat. Pulau Pinang menghasilkan lebih daripada separuh *frozen food* yang kita eksport ke luar. Akibat daripada itulah syarikat yang selalunya dok apa ni *Texcham* yang

mengekspot ada *joint* kongsi dengan *Seapack* telah membuang pekerjanya 70%. Biasanya 300, dia telah buang 70% tinggal 80 orang sahaja. *Trend* ini membimbangkan. *Trend* ini membimbangkan

diam-diam senyap-senyap satu kilang tutup satu kilang lari produk kita makin kurang harga akibatnya benda ini berterusan. Kalau kata dominotori dalam politik saya takut kilang pun jadi domino juga... (gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Ada lagi?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Nak habis dah. Saya dok cari jalan macam mana nak tutup dah. Sungai Juru, Sungai Pinang, Sungai Feringghi Batu Feringghi. Sungai Juru itu adalah salah sebuah sungai yang paling tercemar. Bukan sahaja di Malaysia, terkenal di seluruh Asia Tenggara. Dah letih lah...(gangguan). Saya berucap dari tadi kepala pun dah...(gangguan). Saya tak minat, kalau China saya minatlah. Dengan itu.

Okay, Sungai Pinang lebih dasyat lagi. Saya ingat elok kita tukar sungai hitam yang tu, kemudian Batu Feringghi. Ini tempat Sungai Juru ialah kawasan orang mencari rezeki, mencari kehidupan di situ. Cukup teruk daripada *sources* dia daripada Bukit Mertajam daripada kilang-kilang semuanya mengalir ke sungai itu. Ye sungai itu. Ada pemimpin kawasan itu telah menjemput wakil rakyat yang bertanggungjawab dia *complaint* tiga bulan panggil pun tak pi juga.

Tidak menghadiri untuk selamatkan Sungai Juru. Saya tak tau pasal apa. Tiga bulan sudah dihubungi tak datang. Apakah Kerajaan Negeri tak minat langsung pasal kawasan tu kawasan luar Bandar? Tak apa, jawab sat lagi. Tak pergi jengok pun EXCO yang berkenaan. Sungai Pinang tu saya tengok dok lalu tu boleh kata sering lalu dok air dok hitam lagu tu. Begitu juga Batu Feringghi, yang kita cakap pasal pelancongan nak jadikan produk pelancongan dan sebagainya. Kita ada *heritage* satu produk pelancongan hebat. Harus dibangunkan. Jangan pula sampai esok dalam masa tiga tahun tak buat apa mereka datang menilai kembali ditarik balik itu, pengiktirafan sebagai *heritage* UNESCO. *Heritage site*. Jaga dan

hati-hati. Inilah saya harap kalau dilaporkan pergi lihat, tengok dan bantu. Jangan menyusahkan orang sampai buat tak peduli terus. Itulah sedikit sebanyak saya rasa saya pun tak mahu cakap banyak dah. Cuma...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):**

YB. Tuan Speaker, sebelum Ahli Yang Berhormat berundur, saya ingin membuat sedikit pembedaan. Tadi semasa dalam penjelasan mengenai angka-angka jumlah trafik jumlah kenderaan di Pulau Pinang, sebenarnya fakta yang ada saya ialah selepas campur jumlah besar yang salah. Sudah ambil *calculator* sudah kira-kira balik, jumlah besar yang salah 2.3 juta. Sebenarnya jumlah besar selepas dicampur-campur dia 1.698 juta. Yang Berhormat betul. Dan angka-angka yang diberi oleh kerajaan kepada Yang Berhormat pun betul. Saya ucap terima kasih dan minta maaf.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):**

Saya pun tak membangkitkan isu tu sangat. 1.8 ke , satu 2.3 ke *it's Okay*, Dah dapat ini. Bila Yang Berhormat tanyakan *figure*, saya katakan ini *figure* yang saya dapat. *It's matter* bukanlah satu perkara yang penting sangat yang hebat yang nak saya bangkit-bangkitkan. Saya tahu Yang Berhormat sat lagi CM nanti marah kat Yang Berhormat apa *you* cakap macam tu...(gangguan)

*Okay, last* sekali. Saya dengar banyak kali CAT. CAT kucinglah. Kadang-kadang setengah tu tahi kucinglah. Dan saya masih ingat semasa saya kecil-kecil dulu, kawan-kawan yang lebih dewasa beritahu kepada saya. Orang putih, kalau lepas kita makan belahak...(eerk)...dia kata *not good*. Kadang-kadang dia kata *bludy fool*. Makan perut kenyang, buncit perut ada angin ke luar, dia kata *no good*. Tapi kentut...(bruutt).. *very good*. Lagi kuat kentut lagi *very good*. Macam inilah Kerajaan Nasional buat semua *no good*. Kerajaan PKR buat *very good*. Kentut...bruutt lagi kuat. Tapi lama-lama..huh busuk hah. Barulah tahu *no good* itu. Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**YB. Tuan Speaker:**

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

YB. Tuan Speaker. Saya juga ingin serta ucapan terima kasih atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

YB. Tuan Speaker. Pada 1 haribulan Mac tahun 1965, Perdana Menteri Malaya pada masa itu, Tunku Abdul Rahman dalam satu ucapan di Dewan Rakyat mengumumkan Pilihan Raya Majlis Perbandaran digantung kerana Konfrantasi Indonesia. Dalam ucapan yang sama Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pada masa itu berjanji bahawa sebaik sahaja keamanan ketenteraman dicapai, semua langkah-langkah akan diambil untuk mengembalikan Pilihan Raya untuk Majlis Tempatan. Walaupun Konfrantasi Indonesia telah tamat pada tahun 1966, tetapi pada hari ini 42 tahun sudah lalu, Kerajaan Pusat Barisan Nasional enggan tidak mahu mengembalikan Pilihan Raya Majlis Tempatan. Satu sebab Barisan Nasional enggan mengadakan Pilihan Raya untuk Majlis Tempatan kerana mereka takut mereka akan kalah. Walaupun laporan menggalakkan pilihan raya untuk majlis tempatan.

YB. Tuan Speaker, ini mengakibatkan kelemahan majlis-majlis perbandaran, rasuah dikalangan pekerja terutama pegawai-pegawai dan ketua-ketua jabatan telah menjadi satu perkara yang biasa. Akibat ini Majlis-majlis Perbandaran di Pulau Pinang terutama Majlis Perbandaran Seberang Perai, tidak dapat melaksanakan projek-projek untuk kepentingan rakyat seperti projek untuk menghalang banjir, menjaga kebersihan di semua kawasan, kebersihan longkang-longkang, mengindahkan kawasan sekeliling dan lain-lain... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Minta penjelasan. Saya kurang jelas tadi apa yang mengatakan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Tempatan mudah menerima rasuah dan sebagainya. Bagaimana tu saya kurang jelas ayat yang dinyatakan tadi.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Jadi rasuah di kalangan pegawai-pegawai ini adalah satu perkara yang terbuka pengetahuan semua rakyat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Minta penjelasan. Adakah maksud Yang Berhormat *iaitu open secret it is corrupted* PBT ke macam mana? Saya rasa pegawai-pegawai menjalankan tugas dengan begitu baik dan rasuah itu adalah *isolated cases* untuk individu tertentu...(gangguan). *Isolated cases* bukan semua pegawai PBT rasuah. Kalau tidak..(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):**

YB. Tuan Speaker, Tuan Speaker *standing order* perkara 25, tujuan soalan-soalan yang disoal mesti ditepati. 2C, sesuatu soalan mestilah janganlah menggunakan apa-apa hujahan, sangkaan, tohmahan pujian atau kalimah menyindir.

Saya berpandangan bahawa, kenyataan daripada wakil Bagan Dalam merupakan satu keadaan yang memberikan sangkaan-sangkaan yang buruk terhadap Majlis Perbandaran dan juga tohmahan. Seharusnya kenyataan itu perlu disusuli dengan bukti-bukti dan sebagainya. Jadi saya minta wakil Bagan Dalam tarik balik pernyataan tersebut. Terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Peraturan yang diberikan itu atau soalan?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):**

Tapi hujah-hujah beliau telah melakukan sindiran tohmahan kepada agensi kerajaan itu sendiri. Habis siapa yang nak membela agensi yang berkenaan kalau wakil yang dengan sewenang-wenangnya boleh mentohmah mana-mana jabatan-jabatan yang

bertugas dengan baik tanpa satu bukti yang munasabah. Terima kasih...(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Semua tak boleh *apply*. Macam tu dia kena bawa soalan. Teruskan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

YB. Tuan Speaker. Semalam Yang Berhormat Padang Kota ada beritahu Dewan yang mulia ini bahawa cara-cara lain perlu diadakan Pilihan Raya Majlis Tempatan secara sah termasuk membuat permohonan di Mahkamah Tinggi. Kita tidak perlu membuang masa membuat permohonan-permohonan di Mahkamah kalau Barisan Nasional mempunyai *political will* untuk menunaikan janji yang dibuat pada tahun 1965. Kelmarin Ketua Pembangkang berhujah tentang *Political will*, tapi sangat terang UMNO tidak ada *Political will*. Sebagai satu contoh kelemahan MPSP.

YB. Tuan Speaker, di Jalan Chain Ferry, Prai banjir yang diakibatkan oleh air pasang telah menyusahkan penduduk-penduduk dan peniaga-peniaga di situ selama 20 tahun. Tetapi tidak ada langkah-langkah yang positif yang diambil untuk mengatasi masalah itu. Tetapi masalah ini apabila dirujuk kepada Kerajaan Pakatan Rakyat, Kerajaan Pakatan Rakyat menyelesaikan dalam satu hari masalah di Jalan Chain Ferry, masalah banjir. *Now* kerana kerajaan baru boleh menyelesaikan kerana kita mengamalkan *philosophy* CAT iaitu ...(dengan izin), YB. Tuan Speaker...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan YB. Tuan Speaker, setahu saya ialah masalah banjir di kawasan itu tender untuk membeli pam-pam dan sebagainya dibeli awal secara kebetulan Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih benda tu sampai so dia ambil kredit. Selalunya macam itulah lembu punya susu sapi punya nama.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

YB. Tuan Speaker, perkara masalah di situ adalah 20 tahun bukan 1, 2 tahun kalau masalah 20 tahun tidak ada diselesaikan dan kata barang baru sampai itu tidak boleh terimalah. Seperti saya kata tadi *philosophy* iaitu *competency* ...(dengan izin), *accountability* dan *transparency* atau pun keupayaan *accountability* dengan ketelusan.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan Pakatan Rakyat sanggup turun padang. Pengarah-pengarah MPSP mestilah ikut amalan ini dan sanggup turun padang untuk mengatasi masalah rakyat dan bukan selalu bermesyuarat tetapi tidak beraksi.

Semalam ada cadangan dibuat oleh pembangkang iaitu Telok Bahang bahawa gaji pekerja-pekerja MPSP dibayar oleh Kerajaan Pulau Pinang kerana MPSP tidak mampu. Saya cadang gaji Pengarah-pengarah mesti dipotong kerana mereka tidak efisien.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

YB. Tuan Speaker, penjelasan.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):**

YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat daripada Bagan Dalam telah pun membangkitkan beberapa soalan menuju kepada pihak PBT dan saya nak minta di sini penjelasan boleh bagi terhadap soalan-soalan yang telah pun dilontarkan, adakah PBT secara amnya sebegini teruk disebutkan oleh YB. Bagan Dalam iaitu tidak tepat mungkin YB. Bagan Dalam kena buat satu penjelasan yang lebih. Dan saya rasa kalau benar itu benar dan kalau salah minta YB. Bagan Dalam untuk membuat sedikit penjelasan yang lebih lanjut adakah PBT yang dikaitkan begitu teruk tidak bertanggungjawab mahupun yang diamalkan amalan-amalan yang begitu tidak diterima oleh YB. Bagan Dalam sampai YB. Bagan Dalam nak minta potong gaji itu mintalah sedikit penjelasan daripada pihak Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**



Penjelasan sikit lagi YB. Tuan Speaker. iaitu sebenarnya kita janganlah salahkan Pengarah-Pengarah, dulu saya macam Bagan Dalam juga lepas saya masuk saya suruh berhenti YDP MPSP, ialah kadang-kadang mula-mula *step on people's toes*. Kadang-kadang Pengarah-pengarah ada *financial constraint* ....(dengan izin), banyak benda yang dipohon kadang-kadang pun tak dapat dilaksanakan kerana kedudukan kewangan MPSP itu sendiri.

So, jangan potonglah kalau tambah gaji tak apa kerana dalam keadaan sekarang ini Pengarah-pengarah pun menghadapi keadaan yang mereka rasa tertekan bila gaji cukup tidak adalah elemen rasuah yang nak dikaitkan dan sebagainya. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Elaun Ahli Majlis boleh naik lagi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Elaun untuk pengarah tidak apa.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli majlis setuju?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya puji YDP MPSP turun padang kena tengok cara dia buat kerja tanpa kira masa, Terima kasih Tuan Yang DiPertua. YB. Tuan Speaker *sorry*.

**YB. Tuan Speaker:**

Sila Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Simpanan wang Majlis Perbandaran Seberang Perai telah jatuh dari RM229 juta pada tahun 2000 ke RM25.6 juta pada hujung tahun 2007 orang ramai kluatir macam mana wang ini boleh hilang. Manakala projek-projek kecil untuk kepentingan rakyat tidak dapat dilaksanakan. Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai di Bandar Perda, Seberang Perai Tengah dibina dengan RM85 juta. Adakah ini perlu apabila sudah ada satu bangunan yang besar dan elok di Jalan Betik Seberang Perai Tengah juga yang tidak diguna

dan sudah menjadi ....(dengan izin). *White elephant*. Mengapa bangunan di Jalan Betik tidak diguna sebagai Ibu Pejabat? ini akan membolehkan MPSP menjimat RM85 juta sebagai kos binaan dan juga juta-juta sebagai kos penyelenggaraan atau *maintenance*.

Ini menunjukkan ada kepentingan-kepentingan lain diambil kira apabila MPSP melaksanakan projek-projek. Kepentingan-kepentingan lain ini mengakibatkan rakyat jadi mangsa. Perlu kah kakitangan MPSP iaitu satu bangunan yang mewah membazirkan wang rakyat dan mengkayakan satu golongan yang tertentu yang selalu menunggu untuk projek-projek besar.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan soalan sikit. Kalau tidak salah saya, semalam saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Kota telah pun menyatakan kemukakan kepada MPSP untuk mempertimbangkan kemungkinan bangunan itu boleh dijual.

**YB. Tuan Speaker:**

Bagi laluan Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Bagi laluan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Nak minta Yang Berhormat Padang Kota supaya akhir penggulungan nanti menyatakan berapakah nilai bangunan itu sekarang. Iaitu nilai bangunan MPSP sekarang ini.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Nampaknya kita dah *confused* Yang DiPertua, patut Bagan Dalam dia *defend* dia sebelah kerajaan ini kita dah *defend* pula MPSP.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Ini semua berlaku apabila Barisan Nasional menjadi kerajaan itu masalah mesti *you defend*.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya tahu hal ini semua kerana berkenaan bangunan lama MPSP sebenarnya satu PBT yang saya ingat terbesar di Malaysia. Kakitangannya ramai, pejabatnya yang lama memang tak cukup *scattered* semua sekali sana sini penuh tak cukup, sebab itu ianya perlu satu bangunan baru yang besar iaitu bangunan baru yang besar. Sekarang ini besarlah dan saya difahamkan ada *space* dan ruang yang boleh disewa dan yang lama disewa yang baru pun boleh sewa dan keadaan lebih selesa. Sebab itu perlu banyak pejabat yang begitu besar bukan kerana nak mewah dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Kembali apa yang saya kata tadi iaitu pilihan raya di peringkat Majlis Tempatan. Kalau Kerajaan Pusat Barisan Nasional menunaikan janji yang dibuat pada tahun 1965 mungkin kedudukan Majlis Perbandaran lebih memuaskan. Kerajaan Pulau Pinang walaupun berhasrat untuk mengadakan pilihan raya di peringkat Majlis Tempatan boleh dicapai tanpa kerjasama Kerajaan Pusat Barisan Nasional. Kerajaan Pusat Barisan Nasional patut menghormati hasrat pengundi-pengundi dan memberi sokongan dalam pilihan raya pada 8 Mac 2008 atas isu ini. Tugas-tugas yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran adalah sangat mustahak dalam

kehidupan orang biasa. Kalau fikiran pegawai-pegawai tidak tukar amatlah sukar untuk wujudkan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan yang utama. YB. Tuan Speaker, baru-baru ini George Town telah disenaraikan sebagai Bandaraya Warisan oleh UNESCO Pulau Pinang akan menarik banyak pelancong-pelancong, di sinilah Majlis Tempatan akan memainkan peranan yang besar untuk menentukan Pulau Pinang bersih dan indah. Pegawai-pegawai dan Pengarah-pengarah mesti berubah sikap dan memberi keutamaan kepada kerja-kerja yang dikendali oleh mereka.

YB. Tuan Speaker, kenaikan harga minyak baru-baru ini mengakibatkan kenaikan barang-barang keperluan. Orang ramai terutama pekerja-pekerja yang mendapat gaji tetap telah merasa bebanan yang besar. Sudah banyak kali Kongres Persatuan Pekerja-pekerja Institusi telah merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk tetapkan gaji yang minima kepada pekerja-pekerja yang mendapat gaji tetap tetapi Kerajaan Persekutuan pimpinan UMNO enggan berbuat demikian. Pada masa sekarang ada juga pekerja-pekerja menerima RM350 sebagai gaji bulanan, kalau kita ambil kos perjalanan dan makanan harian bakinya itu tentu tidak cukup untuk tanggungan keluarga pekerja untuk menikmati makanan, pakaian, perumahan dan pendidikan.

Malangnya cadangan untuk gaji minima tidak mahu diambil tahu oleh Kerajaan Pusat dipimpin oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Mungkin Kerajaan Barisan Nasional tidak bersimpati dengan kesusahan pekerja-pekerja. Dengan inflasi sedang menaik, keperluan gaji minima mesti diberi perhatian dengan segera. Pendapatan pekerja-pekerja, (dengan izin)... *purchasing power* telah dikurangkan dan taraf hidup pekerja-pekerja telah jatuh.

YB. Tuan Speaker, baru-baru ini 1,037 pekerja dari Kilang Nico Perai telah diberhentikan kerja tanpa notis dan tanpa bayaran faedah pengangguran. Gaji bulan Jun 2008 juga tidak dibayar. Majikan sekarang nampaknya telah mengambil kesempatan dan tidak menghormati kepada hak-hak pekerja. Pekerja-pekerja sekarang telah menjadi mangsa kepada majikan-majikan yang hanya mencari keuntungan. Kebajikan pekerja-pekerja tidak langsung dijaga. Kerajaan Pusat pimpinan UMNO mesti ambil langkah-langkah yang akan menjamin kepada pekerja-pekerja supaya pada masa sekarang di mana resesi telah bermula dan pastikan pekerja-pekerja boleh dapat membeli keperluan-keperluan asas.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)**

Mohon penjelasan YB. Tuan Speaker. Sikit sahaja. Saya mohon nak dapat fokus daripada Ahli daripada Bagan Dalam, apakah isu yang kita bincangkan ini isu mendapatkan perhatian Kerajaan Negeri atau pun isu kita bincangkan bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Sebab saya rasa Dewan yang mulia ini hanya membincangkan isu-isu yang fokus kepada peranan kita sebagai Kerajaan Negeri di bawah bidang kuasa kita. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Ini pekerja-pekerja kita adalah pekerja-pekerja Pulau Pinang kita harus masalah-masalah pekerja harus dibangkitkan walaupun negeri tidak ada kuasa untuk membuat gaji minima tetapi hasrat pekerja-pekerja Pulau Pinang mesti diberitahu kepada Kerajaan Pusat. Di sini Kerajaan Pulau Pinang ada membuat keputusan akan memberi keluarga-keluarga yang miskin sebanyak RM100 melalui bayaran bil air. Ini adalah satu langkah yang baik di mana kesusahan orang ramai diambil berat oleh kerajaan. Kalau tak salah saya ini pertama kali satu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil keputusan untuk memberi wang kepada rakyat, tetapi Kerajaan Persekutuan pimpinan UMNO tak mahu kongsi kekayaan negaranya kepada rakyatnya. Wang dari keuntungan PETRONAS boleh diberi kepada rakyat yang miskin. Ini akan menolong rakyat miskin pada masa kesusahan ini. Kerajaan di negara-negara lain boleh memberi wang kepada rakyat miskin tetapi mengapa ini tidak boleh berlaku di Malaysia.

**YB. Tuan Speaker:**

Bagi 5 minit lagi Yang Berhormat boleh?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Mohon penjelasan Yang DiPertua, saya nak minta sedikit, 1 minit sahaja untuk mendapatkan penjelasan daripada apa yang dinyatakan oleh wakil Bagan Dalam iaitu detail tentang cadangan Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan kepada orang-orang susah melalui Pihak Berkuasa Air, yang pertama soalnya apa yang kita

nak guna penjelasan ialah apakah kaedah yang digunakan untuk mengenali orang-orang miskin yang layak tersebut dan saya melihat bahawa orang-orang miskin yang patut menerima bantuan-bantuan mungkin mereka ini dikalangan orang yang tidak pun berdaftar dengan PBA kerana tidak dapat mendaftar bekalan di rumah masing-masing. Jadi mekanisme apa yang digunakan untuk memastikan orang-orang miskin ini jadi tidak terlepas daripada menerima bantuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri dan yang kedua adakah pemberian ini akan berterusan sampai bila-bila. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Ini jawapan EXCO. Pada masa sekarang kekayaan negara hanya dinikmati oleh satu golongan kecil iaitu orang yang ada *connection* ...(dengan izin). Kita semua tahu siapa orang-orang ini. Orang kaya akan lebih kaya, orang miskin jadi lebih miskin kerana itu negara kita tidak boleh membangun kalau dibandingkan dengan negara-negara lain kekayaan negara dirompak.

**YB. Tuan Speaker:**

Yang Berhormat Bagan Dalam saya akan beri peluang menyambung selepas tangguhkan Dewan ini.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya nak buat pengumuman pada hari ini jamuan tengahari kita tidak sediakan. Jamuan tengahari akan kita sediakan pada esok untuk semua. Dengan ini saya umumkan Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Dewan di sambung semula pada jam 2.30 petang.***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula. Saya menjemput Ahli Kawasan Bagan Dalam untuk menyambung perbahasan.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Terima kasih, YB. Tuan Speaker, dalam ucapan saya tadi, saya tidak bermaksud untuk menyalahkan semua pihak di Majlis Perbandaran Perai. Ada satu golongan yang kecil perbuatan mereka tidak selaras dengan CAT *Philosophy* Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang lain tidak ada masalah, saya takut golongan yang kecil ini boleh memburukan nama golongan yang sedang membuat kerja mereka. Saya pun juga memberitahu Dewan ini YDP Tuan Farizan, dari MPSP, di mana beliau seorang yang kuat bekerja di dalam pengetahuan saya.

YB. Tuan Speaker, rakyat Pulau Pinang membayar bermacam-macam cukai, yang telah di kumpul oleh Kerajaan Persekutuan. Kalau Kerajaan Barisan Nasional mengikut konsep kerajaan untuk rakyat, wang rakyat Pulau Pinang mesti digunakan untuk pembangunan Pulau Pinang dan bukan rompak wang orang Pulau Pinang yang digunakan apa sahaja, kita tidak tahu, Infrastraktur di Pulau Pinang mesti dibaikkan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato Hajah Jahara bt Hamid):**

Penjelasan, tadi YB. Bagan Dalam menggunakan istilah rompak. Boleh jelaskan sedikit apa maksudnya, Kerajaan Persekutuan merompak wang rakyat Negeri Pulau Pinang?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Sebagai yang dikatakan tadi, cukai-cukai dibayar oleh penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang pun ada banyak peniaga-peniaga di mana semua orang membayar cukai. Cukai yang dibayar duit yang dikumpul daripada penduduk Pulau Pinang mestilah Kerajaan Persekutuan mengumpulkan dan mengambil duit ini mesti memberi balik untuk pembangunan Pulau Pinang. Itulah yang maksud saya.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato Hajah Jahara bt Hamid):**

Penjelasan, saya minta YB. Bagan Dalam menarik balik istilah rompak itu, saya rasa memang tidak tepat, kalau buka kamus rompak ini adalah mengambil dan tidak ada niat untuk memberi balik. Jadi kalau mengatakan Kerajaan Pusat tidak memberi balik langsung memang tidak betul, mungkin YB. Bagan Dalam merasakan tidak berpuas hati dengan kaedah cara atau jumlah, tetapi itu tertakluk kepada kebijaksanaan Kerajaan Negeri untuk membuat perundingan untuk memohon tambahan dan sebagainya. Jadi saya minta istilah tersebut diperbetulkan atau pun ditarik balik.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Perkataan merompak ini bukan saya guna seperti satu jenayah, merompak di sini duit diambil tetapi tidak untuk kebaikan penduduk-penduduk Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Jadi kita guna mengambil lah.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Ya, mengambil cukai.

**YB. Tuan Speaker:**

Teruskan.



**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Beberapa tahun dahulu Tun Dr. Mahathir ada berkata, Negeri Pulau Pinang ini macam Tong Sampah. Masa itu dalam pimpinan Barisan Nasional juga di Pulau Pinang. Saya berharap Kerajaan baru dapat berubah. Kita mahu kembalikan Pulau Pinang ini sebagai Pulau Mutiara, *the pearl of the orient*, itu yang kita mahu dan bersama-sama kita mesti kerja untuk kembalikan Pulau Mutiara.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

YB. Tuan Speaker, minta laluan sedikit penjelasan berkenaan dengan Pulau Pinang. Tong Sampah ini, Kita hendak dapatkan penjelasan yang Pulau Pinang ini Tong Sampah, atau pun Pulau Pinang ini Darul Sampah, yang saya pernah dengar orang sebut Pulau Pinang ini Darul Sampah, bukan Tong Sampah, dia ada bezanya maksud itu, *so which one* yang mana satu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Dalam satu, *visit* oleh Tun Dr. Mahathir beliau ada berkata Pulau Pinang kotor pada masa itu beliau pernah berkata, dan kita mesti ubah dalam kerajaan baru kita mahu Pulau Pinang sebagai pulau yang bersih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Cuma saya minta pembetulan, saya rasa Tun Dr. Mahathir pernah sebutkan itu ialah Darul sampah. Darul sampah bermaksud kawasan yang dipenuhi dengan sampah, bukan tong sampah. Tong Sampah ini, saya tidak mahu mengaku kalau Pulau Pinang ini sebagai Tong Sampah, saya pun malu. Saya rasa Yang Berhormat Bagan Dalam rasa malu kalau tempat kita dikatakan tong sampah, tetapi darul sampah ini, darul bermaksud kawasan, *stain area* yang yang banyak sampah itu sahaja.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):**

Saya terimalah apa yang dikatakan tadi, so dengan itu saya tamatkan ucapan saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

YB. Tuan Speaker, saya kelmarin dua kali telah bangun YB. Tuan Speaker. Kalau dah kerajaan itu tulus tunjukkan ketelusannya.

**YB. Tuan Speaker:**

Tidak mengapa, saya bagi Ahli Kawasan Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul terima kasih ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Pertama sekali saya hendak menyentuh tentang soal pendekatan Kerajaan Negeri dengan belia-belia. Sejauh manakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mendekati belia melalui persatuan belia. Kerana belia ini merupakan aset penting kepada negeri kita.

Jadi setakat ini sejauh manakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mendekati belia-belia melalui persatuan-persatuan belia. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa belia ini merupakan aset penting kepada negeri kita dan berapakah jumlah persatuan belia yang ada dalam bandar dan kampung kita buat masa

ini. Yang kita ketahui di peringkat negeri, kita namakan Majlis Belia Negeri atau MBN, diikuti dengan peringkat daerah, Majlis Belia Daerah, Persatuan Belia 4B, GBB, HYO, TYBC, MAYC, ABIM - 3B ABIM dan lain-lain. Berapakah sebenarnya jumlah persatuan belia yang aktif hingga ke hari ini. Berapakah jumlah persatuan belia yang aktif. Hargailah mereka, kalau boleh lantik mereka melalui MBN menduduki dalam Kerajaan. Sebagai contoh Ahli Majlis MPSP. MPPP, kerana mereka ini tidak ada kepentingan. Sepatutnya Kerajaan Negeri mengambil berat tentang belia-belia ini melalui persatuan-persatuan yang berdaftar yang telah diwujudkan sebegitu lama, tetapi nampaknya akhir-akhir ini, persatuan-persatuan belia sama ada di bandar atau di kampung agak dingin sekali. Jadi kita

patut hormati mereka kerana mereka merupakan belia, yang saya sukai, sebagai aset kepada kita. Paling tidak sebagai penghargaan, kita patut mengajak mereka bersama berganding bahu dalam Kerajaan Negeri dan paling mudah kalau boleh bagaimana Kerajaan Negeri hendak melantik kalangan NGO menjadi Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai. Apa salahnya kalau kita juga Kerajaan Negeri memilih salah seorang daripada pemimpin Majlis Belia Negeri sebagai mewakili belia yang tidak ada kepentingan untuk membantu kerajaan dilantik sebagai Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Pulau Pinang.

YB. Tuan Speaker, kerajaan bertanggungjawab untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang mereka minat, supaya mereka dapat melibatkan diri secara langsung akan setiap aktiviti yang dirancang oleh kerajaan asalkan aktiviti itu tidak bercanggah dengan sensitiviti agama. Bila perancangan dibuat dengan betul, sudah tentu akan mendapat sambutan dan secara tidak langsung dapat kita elak mereka daripada berlakunya gejala sosial, salah guna dadah, mat rempit dan sebagainya. YB. Tuan Speaker, dalam mereka minat dan sukai dengan aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan, perlulah kita selitkan unsur-unsur pendidikan jangan sesekali perancangan dan aktiviti yang kita buat itu ada unsur-unsur tidak sihat sebagaimana yang berlaku baru-baru ini sempena sambutan Minggu Belia Peringkat Negeri di *Auto City*, Perai.

YB. Tuan Speaker, dari segi kebajikan saya sukai sebagaimana disebutkan oleh YB. Ketua Pembangkang tadi, pemberian beras yang tidak berbaloi, ini tajuknya. Katanya Kerajaan Negeri nak bantu orang miskin untuk mengurangkan bebanan rakyat, tapi tahukah YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli YB. penerima-penerima bantuan ini datang dari jauh ke Pusat Penerimaan Bantuan yang terpaksa sewa kereta lebih daripada RM50.00, dan kadang-kadang kereta itu terpaksa tunggu sehingga Majlis Penyampaian Sumbangan itu selesai. Sedangkan penerima hanya menerima sekampit beras yang harganya kosnya lebih kurang RM16.00. Sebagaimana kita maklum, sebanyak 7,642 kampakit beras telah diberi seramai 7,642 orang miskin dengan kosnya RM122,200.72, saya sukai siapakah pembekal sebenar beras tersebut? Adakah dibuat secara tender terbuka untuk bekalan beras? Dan apakah jenis kualiti beras yang telah disampaikan?

YB. Tuan Speaker, dari segi bencana alam yang berlaku, sebagai contoh kebakaran, ribut, banjir dan sebagainya berapa lamakah kerajaan mengambil masa untuk beri sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Dari manakah peruntukan ini diperolehi? Adakah peruntukan khas segera boleh diberi kepada mangsa atau adakah peruntukan khas segera kepada ADUN untuk disampaikan kepada mangsa, kalau ada berilah sama kepada Adun Barisan Nasional ini baru dikatakan kerajaan bertanggungjawab dan telus atau CAT atau pun sesuai dengan pandangan rakan saya di Sungai Bakap pentadbiran Ummar Abdul Aziz.

Tuan Yang DiPertua, saya mengambil kesempatan untuk ucapkan terima kasih pada pihak kerajaan atas jawatan lisan yang diberikan berkaitan dengan rancangan untuk membina bangunan bagi menempatkan orang tua dan pengemis. Tapi bagi saya, masih belum jelas di mana kerajaan mengatakan negeri belum ada rancangan untuk dibina. Saya difahamkan ada sebidang tanah yang diambil oleh kerajaan diperingkat Daerah Seberang Perai Selatan iaitu terletak di Sungai Daun, Nibong Tebal, sebahagian Lot 1533, Mukim 11 seluas 12 ekar yang tujuannya untuk pembinaan bangunan tersebut.

Sepatutnya, kerajaan perlu percepatkan pembinaan bangunan tersebut. Tuan Yang DiPertua, selain daripada pengemis dan orang tua, kerajaan juga kena tengok masalah kutu rayau yang tidak menentu seperti dalam surat khabar ini bertarikh 11 Julai yang jelas menunjukkan, minta maaf YB. Tuan Speaker, tersilap tunjuk, ini sebenarnya, 'Tidak Kisah Tidur Di Mana', tajuknya. Ini bukan CAT tetapi ini adalah insan yang perlu mendapat pembelaan. Kerajaan ini amat memalukan kita, kalau kita kata Pulau Mutiara yang indah bukan Darul Sampah, atau yang disebut oleh rakan tadi, tong sampah, Katanya ikut prinsip CAT tapi berlakunya perkara ini di KOMTAR, yang merupakan Pusat Pentadbiran Negeri.

**Ahli kawasan Permatang Pasir (YB. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):**

Minta penjelasan Yang Berhormat boleh?

**YB. Tuan Speaker:**

Penjelasan boleh?

**Ahli kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Saya tak benarkan, mengikut *standing order* 46 (ii) tidak boleh ganggu. Saya tak benarkan nanti bagi saya habis dulu, terima kasih. Dia tengah rancak, pertama kali bercapat tengah rancak jangan kacau, okay, jadi ikut prinsip CAT adakah ini ini CAT? Atau insan yang perlu mendapat pembelaan ini adalah insan yang juga Kerajaan Negeri harus ambil perhatian, bukan sekadar bincang projek-projek mega tapi masih rakyat, tidur di pusat pentadbiran tanpa di dapat pembelaan oleh kerajaan yang kata telus dan bertanggungjawab.

YB. Tuan Speaker, jadi eloklah kita ambil berat soal ini kerana kita bimbang kita pun disebut George Town warisan UNESCO saya takut KOMTAR pula disebut warisan CAT.

YB. Tuan Speaker, kita banyak perkatakan soal projek mega seperti Jambatan Kedua sehingga kita lupa soal kebajikan rakyat. Kerajaan dah bagi beras pada orang miskin tapi bagaimana pula rakyat yang terlibat dengan pembinaan jambatan yang punca pendapatan mereka telah berkurangan sebagai contoh walaupun ini bukan kawasan saya, penduduk Pulau Aman, cukup aman. Apakah yang boleh kerajaan bantu, apakah yang boleh kerajaan bantu yang hanya kita laungkan kita hanya nak percepatkan pembinaan Jambatan Kedua supaya pelabur banyak datang. Ekonomi rakyat peniaga baik tapi bagaimana 52 keluarga Bumiputera Pulau Aman itu. Siapakah yang patut bela?

Saya difahamkan baru-baru ini ada EXCO Kerajaan Negeri telah melawat Pulau Aman. Cadang nak bina Hotel 5 Bintang, bukan 3 bintang yang digunakan oleh Kerajaan Negeri. Dan termasuk chalet dan pakejnya. Ini juga akan melibatkan punca pendapatan penduduk Pulau Aman akan kurang kerana mereka ada ternakan kerang di kawasan itu yang telah jalankan bertahun-tahun lamanya. Andainya ini dibina di kawasan tersebut, sudah semestinyalah akan tercemar oleh keadaan pengwujudan hotel-hotel tersebut dan sudah semestinya mata pencarian mereka akan berkurangan.

Tuan Yang DiPertua, saya ingat, saya amat teringat hari pertama persidangan kelmarin, YB. Penaga selaku YB. K.P kami panggil dia YB. Ketua Pembangkang menyebut akibat pembinaan jambatan, ikan-ikan yang suka bermain dikawasan selut atau tanah

tapak Jambatan Kedua, akan hilang dan akan pupus. Kemudian, YAB. Ketua Menteri menjawab, minat beliau dan YB. Penaga sama. Alhamdulillah, tapi hakikatnya, Tuan Yang DiPertua, mereka hanya sependapat di luaran dalam erti perkataan, tapi hati mereka tidak sama. Samalah juga bila YAB. Ketua Menteri bertanya dengan rakan-rakan, meminta rakan-rakan EXCO kelmarin kata mereka sepakat setuju dengan pelantikan Ketua Staff Pejabat Ketua Menteri hanya cakap-cakap saja, sebab susah kita nak baca hati seseorang. Pepatah Melayu berkata, rambut sama hitam, tapi dihati lain.

Ada juga rambut sama putih tapi hatinya pasti lain. Memang dicatit di sini YB. Tuan Speaker, sudah dijangka. Saya ambil contoh, bukan takat peringkat EXCO, yang hati sudah pasti berlain, dihari pertama juga diwaktu pagi masih ada rakan-rakan Pakatan Rakyat, tidak dapat pakai seragam, pakaian nombor satu, nombor wahid ... (dengan izin). Apakah itu merupakan sepakat? Apakah itu menunjukkan sehati sejiwa? Jelas tidak sekali, saya yakin YB. Tuan Speaker juga murka dengan keadaan itu.

**YB. Tuan Speaker:**

Nak tahu macam mana boleh tahu Tuan Speaker boleh baca hati?

**Ahli kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Saya tak baca ada keluar dalam surat khabar lepas itu YB. Tuan Speaker baca.

**YB. Tuan Speaker:**

Surat khabar apa tu?

**Ahli kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Nanti saya bawakan untuk YB. Tuan Speaker ya, kita berdua sudah. YB. Tuan Speaker, untuk mengetahui hati, saya nak mencadangkan eloklah YAB. Ketua Menteri lantik seorang lagi untuk bertugas di Pejabat Ketua Menteri, yang mahir baca hati manusia.

Dan jangan biar rakan-rakan Pakatan makan hati tidak bercanggah dengan *Standing Order*.

**YB. Tuan Speaker:**

YB. Sungai Aceh kena berhati-hati dengan peraturan 46 (13A).

**Ahli kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Menjelaskan kita mesti membayangkan menerusi ahli yang lain mempunyai niat yang tidak baik.

**Ahli kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Terima kasih, YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Berhati-hati.

**Ahli kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Terima kasih. YB. Tuan Speaker, dalam bidang pertanian tanaman padi merupakan tanaman yang penting kerana beras merupakan makanan utama kita. Sejauh manakah Kerajaan Negeri membantu pesawah untuk meningkatkan hasil mereka. Kebetulan, di Kawasan Sungai Aceh merupakan kawasan sawah padi. Pendapatan di Kawasan Sungai Aceh ini purata 1 ekar 2 tan, insya-Allah. Salah satu musuh tanaman padi ialah tikus, dikawasan sawah ini ada juga mereka tanam kelapa sawit. Ini menyebabkan banyak tikus wujud dikawasan tersebut, sehubungan itu, saya mencadangkan kepada kerajaan CAT ...(dengan izin) kucing supaya dapat tangkap tikus itu, kalau boleh kerajaan adakan peraturan dan undang-undang supaya tanah sawah tidak dibenar sama sekali menanam dengan tanaman lain yang boleh wujudnya musuh-musuh tanaman padi.

YB. Tuan Speaker, berkaitan dengan perikanan kita fahamkan kerajaan akan memberi bantuan sara hidup nelayan sebanyak RM200.00. Tetapi malang sedikit kerana pemberian mereka kalau ambil contoh di tempat saya di Sungai Udang. Dalam sebuah pukak "kengka", saya tidak dapat hendak terjemah, tetapi kita cari kamus untuk terjemah, apa itu "kengka". Dalam sebuah pukak kengka, ada 5 pekerja, seorangnya dinamakan tekong dan 4 orang awak-awak. Jabatan Perikanan hanya dapat bagi sumbangan sara hidup ini kepada seorang tekong dan 2 orang awak-awak, tetapi malangnya ada 2 awak-awak lagi tidak dapat. Jadi saya minta jasa baik Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab supaya benda ini dapat diselesaikan.

YB. Tuan Speaker, MPSP yang sudah kurang duit, kita amat simpati dan ini menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu kerana PBT ini di bawah Kerajaan Negeri. Saya hendak mencadangkan pertama sekali sebagaimana rakan-rakan sebut Kerajaan Negeri boleh beri bantuan atau secara pinjaman tanpa faedah. Kedua kita boleh meminta MPSP supaya lebih cergas untuk mengutip cukai-cukai yang tertunggak begitu banyak. Satu lagi yang hendak saya mencadangkan supaya bangunan yang bukan milik MPSP jangan kita biar MPSP jaga dan tanggung dan senggara, sebagai contoh Stadium Batu Kawan adalah milik PDC dan selepas dibangunkan dilepas kepada MPSP dan cukup tinggi perbelanjaan penyelenggaraannya, maka dicadang supaya ianya ditarik balik kepada PDC atau kerajaan. Satu lagi contoh untuk menambah duit, kalau ada binaan haram kalau tidak salah dari segi undang-undang kita kutip cukai kalau tidak boleh halalkan dia supaya boleh kutip cukai. Akhir sekali saya hendak mencadangkan banyakkkan saman dan jangan batalkan saman.

YB. Tuan Speaker, akhir sekali saya ucapkan terima kasih kerana beri peluang saya bercakap. Sebenarnya YB. Tuan Speaker, ini pertama kali saya bercakap di sini, saya nampak semuanya baik-baik dari segi peraturannya, layanannya, cuma hari pertama sahaja YB. Tuan Speaker nampak kelam kabut sedikit semasa soal jawab. Inilah cara yang dibincang dalam *pre-council* dalam Yang Amat Berhormat Ketua Menteri seolah-olah ada strategi. Saya nasihatkan kena berhati-hati YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**



Itu sudah mula hendak menuduh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Sedikit sahaja lagi. Masa kecederaan, ini imej Kerajaan Negeri, ini imej Pakatan Rakyat yang mengikut prinsip CAT, sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Terima kasih Sungai Aceh. Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk membuat ucapan perbahasan terima kasih ke atas TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat YB. Tuan Speaker, pada mulanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ADUN Pakatan Rakyat kerana dengan sokongan rakyat Negeri Pulau Pinang yang begitu besar kepada kita dan kita telah berjaya menubuhkan sebuah Kerajaan Negeri yang baru. Dan juga saya percaya Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Ketua Menteri YAB Ahli Kawasan Air Puteh akan membawa rakyat Pulau Pinang menuju ke arah yang amat ceria, selesa dan hidup dalam keadaan kesejahteraan.

YB. Tuan Speaker, harga barang-barang sudah naik tinggi, ini pasti memberi kesusahan kepada pengguna dan pembeli. Harga petrol naik, naik harga makanan naik, harga perbelanjaan naik, harga perkhidmatan juga naik, semua barang sudah naik, akan tetapi hanya gaji tetap tidak naik. Lagi satu yang boleh saya memastikan adalah hujan tidak akan naik, kerana hujan akan turun sahaja. YB. Tuan Speaker, sejak petrol naik harga, kereta besar mahal, kurang orang membelinya Kerajaan Negeri juga tidak ... (gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

*Point of Order* saya bangun selaras dengan Peraturan A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Boleh YB. Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Sila.

**YAB. Ketua Menteri:**

Saya mohon di bawah Peraturan Mesyuarat 6 (a)(1) bahawa masa persidangan hari ini 22 Julai, 2008 dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam. Sekian.

**YB. Tuan Speaker:**

Ada sokongan.

**YAB. Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Tuan Speaker, saya ingin menyokong.

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YAB. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6a(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan ini, hari ini 22 Julai 2008 dilanjutkan sehingga jam 7.00 petang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan 'Ya' yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'.

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya."

**YB. Tuan Speaker:**

Lebih suara bersetuju. Bersetuju semua, sila sambung.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee):**

Kerajaan Negeri juga tidak membeli kereta baru untuk EXCO-EXCONya. Ini merupakan satu tindakan yang baik, bijak ia harus diberi pujian. Saya yakin rakyat mesti menyokong tindakan ini dan di harap tindakan ini dijadikan satu ajaran didikan moral bagi semua orang muda dan ia dicontohi oleh semua orang. Bukan senang mendapat wang sekarang, mari semua orang bersama-sama berjimat bagi mengatasi masalah kesulitan hidup sekarang ini. Saya yakin ada hari cerah pada masa yang akan tiba tidak lama lagi, siapa bilang tiada hari esoknya.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):**

Penjelasan. YB. Tuan Speaker, *just* hendak tanya kereta-kereta yang dimiliki oleh ... (gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, beri jalan tidak?.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee):**

Tidak beri jalan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):**

Hendak dapat penjelasan sedikit sahaja.

**YB. Tuan Speaker:**

Dia tidak benarkan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee):**

Selain daripada itu dengan tertubuhnya *consumer watch* saya yakin ia akan membantu para pembeli mendapat harga yang

berpatutan. Dengan 15 orang anggota di setiap kawasan memantau harga-harga di pusat membeli belah di kedai-kedai di medan makan dan lain-lain tempat perniagaan, saya percaya para penjual dan pembeli akan berfaedah dan perniagaan juga akan berjalan dengan licin. Kes-kes mengadu pun dijangka akan turun.

YB. Tuan Speaker, menyentuh tentang kegiatan jenayah di negeri kita, saya rasa sedikit bimbang, kini sedang dalam masa ekonomi kurang baik ramai orang terpaksa buat 2 atau 3 kerja, akan tetapi ada juga orang walaupun berusaha mencari pekerjaan tetap tidak dapat maka ada orang terjerumus dan menyertai kegiatan jenayah. Setiap hari ada berita tersiar samun, pecah rumah, tipu, pecah amanah, dadah, curi kereta, rasuah dan lain-lain lagi. Saya berpendapat timbulnya kes-kes ini ada kait mengait dengan pengangguran.

Apakah sebab yang telah menyebabkan pengangguran adakah pekerja-pekerja dari negara asing begitu banyak dan menimbulkan banyak masalah dan menimbulkan banyak warganegara kita mendapat kerja, adakah atas sebab gaji yang mengupah pekerja asing itu memang lebih rendah daripada berbanding jika mengupah warga negara kita.

YB. Tuan Speaker, pada masa sekarang kita dapat melihat terdapat pendatang asing, tidak tahu sama ada ada lesen atau tidak ada lesen selalu merayau-rayau di atas jalan secara berkumpul di sana sini pada waktu malam. Di kawasan saya juga mempunyai pendatang asing atau pun pekerja asing yang selalu berkumpul di sepanjang di luar *supermarket* ...(dengan izin). Dan ini telah menyebabkan penduduk yang berdekatan dengan kawasan tersebut merasa tidak selesa dan takut apabila hendak keluar pada waktu malam.

YB. Tuan Speaker, walaupun kita tahu ia adalah kuasa daripada Kerajaan Persekutuan, atas memberi lesen kepada pekerja asing akan tetapi kami memang berharap bahawa Kerajaan Negeri ini dapat mengambil langkah-langkah atau jalan yang lain untuk mengurangkan pekerja asing atau pun kita boleh menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya Imigresen Malaysia dapat mengawal kuantiti pendatang asing dan selalu membuat pemantauan di kawasan-kawasan yang banyak pekerja asing.

Seperti YB. Sungai Acheh berkata belia merupakan aset yang sangat penting di semua negara termasuk Malaysia tidak dapat

dikecualikan. Pada masa sekarang kita didapati bahawa kebanyakan belia tidak begitu mengambil berat terhadap masalah-masalah atau perkara-perkara yang telah berlaku di negara kita dan tidak begitu berminat untuk mengambil bahagian dalam program-program yang telah dianjurkan oleh kerajaan atau pun yang dianjurkan oleh Persatuan-Persatuan Belia, oleh kerana sekarang kita dapat tahu bahawa banyak pemuda-pemuda atau para belia yang suka pergi ke tempat hiburan berbanding dengan mengambil bahagian dalam program belia. Masalah ini memang serius dan pada pandangan saya masalah ini bukan sahaja yang akan menjejaskan masa depan mereka malah masalah depan negara kita juga tidak dapat diseliakan.

YB. Tuan Speaker, pada pendapat saya untuk mendorong dan menjaga belia dengan baik kena mula dari masa kecil, oleh itu saya memang berharap kerajaan kita supaya dapat mengadakan lebih banyak program-program yang sihat seperti mengadakan acara-acara sukan untuk semua kaum, terutamanya bermula untuk pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah untuk mengambil bahagian dan berharap ibu bapa akan menyokong dan mengarahkan anak-anak mereka mengambil bahagian dalam program-program yang telah dianjurkan oleh kerajaan.

YB. Tuan Speaker, sukan bukan sahaja bukan sahaja dapat menyihatkan badan kita, yang penting sekali melalui sukan kita dapat meningkatkan perpaduan rakyat kita dan akan juga dapat mengurangkan salah faham di antara satu sama lain. Dengan melalui acara sukan nama baik negara kita akan diketahui oleh negara lain. Ini juga dapat memajukan pelancongan negara kita. Oleh itu saya memang berharap supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru ini dapat mengkaji dan menyokong penuh dalam bidang sukan di negeri kita.

YB. Tuan Speaker, kini negeri ini telah disenaraikan dalam warisan UNESCO, ini pasti menaikkan nama Pulau Pinang dan didatangi para pelancong dari jauh atau dekat. Dengan ini ia juga boleh membaiki ekonomi negeri ini. Sekarang tibalah giliran rakyat bersama-sama menjaga warisan ini. Saya hendak menyeru kepada semua orang supaya membuang sampah ke dalam tong-tong yang disediakan jika sampah atau kotoran tidak disapu atau dibersihkan, sila

laporkan kepada MPPP atau jika sampah-sampah terlalu banyak kutiplah setiap hari oleh pihak yang berkenaan menjaga dan merancang menarik hari pelancong dari luar negara ke luar negara datang ke Negeri Pulau Pinang. Supaya Kerajaan Negeri memasang sistem IWK di setiap rumah di pelan jeti. Pemasangan sistem tersebut apat mengelakkan pencemaran laut di kawasan tersebut dan sebagai Ahli Pengkalan Kota, saya percaya jika kita tidak memasang sistem IWK ini masalah pencemaran hasil laut akan terus berlaku program pemulihan pada masa hadapan.

YB. Tuan Speaker, selain itu untuk menarik hati pelancong datang ke Pulau Pinang, masalah-masalah pertama yang perlu kita buat adalah untuk mengatasi rumah kosong terbiar di sebahagian kawasan George Town yang boleh disalah fahamkan oleh pelancong jika mereka kali pertama datang ke George Town bahawa George Town baru habis peperangan dan selepas nampak rumah-rumah yang telah kosong dan terbiar begitu sahaja. Rumah-rumah yang runtuh setengah dan hanya tinggal setengah sahaja. Akan tetapi rumah kosong tersebut adalah aset PDC walaupun PDC merupakan sebuah syarikat agensi Kerajaan Negeri kita akan tetapi pengawalan dan cara mengatasi masalah tersebut memang lambat dan kurang *efficient*. Seperti contoh pasar di Lorong Prangin dan rumah berdekatan kawasan tersebut selepas penjaja dan penduduk di kawasan tersebut telah pun pindah lebih daripada 10 tahun akan tetapi rumah-rumah kosong masih tidak diruntuhkan dan terbiar begitu sahaja. Perkara tersebut memang menjejaskan imej George Town dan juga akan dijadikan tempat perhimpunan penagih dadah.

YB. Tuan Speaker, pasar merupakan sebuah tempat penting untuk sesebuah keluarga. Setiap hari terdapat banyak orang pergi ke pasar untuk membeli makanan dan sayuran. Oleh itu saya rasa pasar di negeri kita mesti dijaga dengan lebih baik seperti di kawasan saya di Pengkalan Kota terdapat sebuah pasar yang bernama Pasar Lebu Cecil, lebih kurang dua tahun yang lalu, pasar ini pernah ditukar bumbung yang baru sahaja. Akan tetapi penukaran bumbung tersebut siap hanya separuh pasar sahaja iaitu ditempat penjaja jual makanan sahaja. Dan di sebelah pasar basah masih belum ditukar bumbung baru. Saya pernah melawat bersama

Ahli Parlimen Tanjung dan didapati keadaan pasar tersebut memang teruk dan keadaan yang bocor dan lantai tidak rata. Apabila hujan, perniagaan mereka susah untuk dijalankan dalam keadaan yang sebegini. Ini akan menjejaskan perniagaan dan ini akan menimbulkan ketidak selesa terhadap pembeli-pembeli yang beribu-ribu dalam sehari. Oleh itu, akhirnya saya memang berharap Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat boleh kita mengatasi masalah penduduk di kawasan Pengkalan Kota supaya penduduk dan peniaga di Pasar Lebuh Cecil ini dinaik taraf supaya penduduk dan peniaga di kawasan sana boleh membeli dan menjual barang dengan lebih selesa. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Saya minta penjelasan. Jika tidak diberi penjelasan mungkin soalan itu.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee):**

YB. Tuan Speaker, tadi saya sudah cakap tidak bagi... (gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Tak *gentleman* lah you.

**YB. Tuan Speaker:**

Boleh.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Boleh. Saya nak tanya satu.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Tuan Lau Keng Ee):**

Saya tak bagi kerana nanti ada orang yang nak tunjuk yang bukan-bukan dan menafikan apa yang dia tunjuk.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):**

Jadi ini *you* tak beranilah. Tak apa terima kasih.

**YB. Tuan Speaker:**

Sudah. Duduk. Padang Lalang sila.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Hong):**

YB. Tuan Speaker, Pada 4 Jun 2008 kenaikan bahan api secara mendadak memang menggemparkan orang ramai dan kenaikan harga bahan api ini mengakibatkan inflasi menjadi lebih teruk. Rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana menghadapi masalah wang yang tidak cukup. Saya mengkritik tindakan yang kurang wajar ini, Negara Malaysia sebuah negara yang mengeluarkan minyak. Memandangkan keuntungan Petronas yang lumayan, Perdana Menteri YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak patut menaikkan harga bahan api secara kilat dan tinggi sebegitu. Pada 27 Februari 2007 Perdana Menteri mengumumkan kenaikan harga minyak sebanyak 3% *per liter* ketika itu beliau berjanji akan menggunakan wang subsidi yang berjumlah sebanyak RM4.4 bilion itu untuk mempertingkatkan tahap dan mutu sistem pengangkutan awam kita. Namunnya agak kecewa hari ini kita masih tidak nampak sebarang tindakan yang lebih berkesan. Pada minggu yang lepas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengatakan jika harga petrol turun menjadi RM1 naik 92 sen seliter maka Kerajaan Pusat akan memberi subsidi sebanyak RM50 bilion untuk setahun.

Namun beliau tidak memberitahu kepada rakyat Malaysia bahawa jumlah pendapatan Petronas dalam musim terkini telah meningkat RM61 bilion berkaitan dengan kenaikan harga petrol. YB. Telok Bahang kelmarin ada berkata begitu duit yang disimpan oleh MPSP itu lebih baik diguna untuk buat apa saja yang baik kepada



rakyat. Di sini juga saya ingin menyeru Petronas subsidi lah keuntungan kepada rakyat seluruh Malaysia dan sebab itu apa gunanya simpan sahaja yang duit yang begitu banyak untung kepada Petronas dan saya harap YB. Telok Bahang boleh bersetuju katakan Petronas yang keuntungan itu boleh ambil sedikit kepada semua rakyat. Di sini saya juga ingin....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Pohon penjelasan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Hong):**

Tidak dibenarkan. Tunggu dulu sampai habis, awal lagi. Sabar, kita ada sampai pukul 7 petang. Dan saya ingin menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai kabel *stand limit span* jambatan kerana kerja-kerja begini giat dijalankan. Saya rasa hairan mengapa ia perlu digantikan apabila jambatan dibina pada tahun 1980, ia dijamin boleh diguna selama 100 tahun. Kini hanya lebih kurang 23 tahun ia perlu diganti dan beberapa kos penukaran kabel ini dan bila ia dapat disiapkan? Saya ingin nak tanya boleh tak bagi sedikit-sedikit dan kita juga sedia dimaklum masalah bajet merupakan mimpi ngeri yang tidak dapat dielakkan oleh penduduk-penduduk Seberang Perai selama hampir 20 tahun. Saya berharap Kerajaan Negeri merealisasikan Program Mencegah Banjir dengan secepat mungkin. Saya difahamkan terdapat tujuh peringkat Rancangan Mencegah Banjir tetapi sampai hari ini peringkat kedua pun masih belum disiapkan dalam 100%. Di samping itu saya juga menyaksikan dengan pelan-pelan yang sedia ada dan apa yang telah disiapkan oleh kerajaan. Apakah ia benar-benar berkesan untuk memastikan bahawa banjir tidak lagi melanda kawasan di sepanjang Sungai Rambai...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Pohon penjelasan boleh. Berkenaan yang itu nanti lupa.

## **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Hong):**

Jangan lupa. *You* catatkan sahaja. Kawan lamakan. Jika paras air di Sungai Rambai lebih tinggi daripada tebing, pam-pam yang sedia ada langsung tidak akan berfungsi secara berkesan. Saya bercadang kerajaan dan JPS hendak meluaskan muara sungai dekat Kampung Tok Keramat dan mendalamkan dasar sungai dekat laut supaya air hujan dan air pasang dapat disalurkan dengan secepat mungkin, jika tidak air akan mengalir balik ke Sungai Rambai dan mengakibatkan banjir.

Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang mengamalkan dasar CAT dalam pentadbiran. Amat dukacitanya setengah penjawat awam dan kontraktor bukan semua masih tidak mengubah sikap mereka. Yang sambil lewa dan tahap perkhidmatan kurang

memuaskan. Sebahagian pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja dari syarikat kontraktor memang tidak *efficient*. Mengikut aduan dakwaan selama setahun tidak terdapat pekerja yang datang cuci longkang perparitan di taman kediaman penduduk. Orang awam membayar cukai tafsiran kepada kerajaan tempatan tetapi tidak diberi perkhidmatan yang sewajarnya. Sebagai ADUN kami berhadapan dengan orang awam yang tidak puas hati disebaliknya kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggung jawab menerima ganjaran mereka tanpa memberi perkhidmatan yang memuaskan.

Perkhidmatan pembersihan merupakan perbelanjaan yang paling tinggi di MPSP. Lebih kurang 40% keseluruhan bajet. Perbelanjaan ini sebanyak ini tidak stabil dengan perkhidmatan yang dibekalkan oleh pihak kontraktor, bukan semua. MPSP harus mengambil tindakan sewajarnya untuk membetulkan situasi ini ke tahap pecat atau pun membatalkan perjanjian kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab. Tindakan ini boleh menjadi satu cermin kepada kontraktor lain supaya mereka dapat mempertingkatkan perkhidmatan dan saya ingin mengambil kesempatan ini buat sedikit penjelasan berkaitan saudara saya YB. Bagan Dalam. Saya bersetuju apa yang kelemahan kerja pembersihan, infrastruktur dan lain-lain berlaku dalam MPSP di waktu ketika dahulu tetapi kini apa yang saya nampak berbeza. MPSP sedang membuat perubahan ke arah yang lebih berkesan dan bertanggungjawab.

Yang DiPertua, Setiausaha dan setengah pengarah juga sanggup turun padang menjalankan lawatan supaya lebih memahami masalah orang ramai yang menghadapinya. Terima kasih kepada Y.D.P. yang saya tahu memang dia bekerjasama. Dan akhirnya YB. Seberang Jaya tidak sabar-sabar, kita ada masa panjang tapi kalau *you* ingin nak cepat sikit saya boleh bagi. Akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang tidak ganggu saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Pohon penjelasan tadi Padang Lalang. Pertama berkenaan dengan *double tracking* yang dibuat dalam kawasan Padang Lalang. Saya nak penjelasan sedikit berkenaan kawasan kita bersama. Jadi ianya telah pun melibatkan warga Seberang Jaya sebelah sini dan

warga Padang Lalang sebelah sana, nak *cross over* tidak boleh apabila ada *double tracking* itu ada. Apakah peranan yang dimainkan oleh Padang Lalang untuk memastikan ada *cross over* untuk motor dan juga penjalan kaki. Yang kedua disentuh berkenaan dengan ketidak *efficiency* nya pembersihan dan sebagainya. Sedarkah saudara wakil Padang Lalang ia itu pekerja dan pegawai PBT adalah *close service* jika ada sesuatu masalah berlaku apakah rasanya diambilkan tindakan proaktif yang boleh sama-sama minta Kerajaan Negeri berunding supaya masalah *close service* ini dapat kita cari mekanisma yang lain supaya kalau ada pegawai yang benar-benar tak boleh *perform* dan sebagainya, sesuatu boleh dilakukan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Tuan Tan Cheong Heng):**

Terima kasih. Saya ingin jawapan daripada Seberang Jaya kalau saya sebagai EXCO, saya lebih sesuai untuk jawab. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Habis dah?

**YB. Tuan Speaker:**

Habis dah. Bukit Tengah.

## **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen):**

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker untuk memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam usul ucapan terima kasih kepada ucapan perasmian TYT. bagi penggal pertama Dewan Undangan Keduabelas ini.

Di peringkat permulaan ucapan TYT. Tun tersebut, beliau telah menyatakan harapan beliau terhadap Dewan yang mulia ini. Di mana TYT. Tun telah mengatakan bahawa sesungguhnya sebagai Medan Demokrasi Dewan yang mulia ini akan menyaksikan pertikaman lidah sesama Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai institusi tertinggi demokrasi ia harus menjadi arena pertembungan minda untuk berbincang, berbahas, menyampaikan teguran dan memberi pandangan yang bernas demi meningkatkan lagi pembangunan

ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat. Saya amat tertarik dengan ucapan TYT. Tun tersebut kerana sama ada Dewan yang mulia ini berjaya menjadi satu forum perbincangan atau pun perbahasan yang dapat membuahkan hasil atau pun dasar yang betul-betul memberi manfaat kepada rakyat sebenarnya bergantung kepada prestasi ahli-ahli yang ada dalam Dewan ini dan saya adalah sebahagian daripadanya. Dan seperti yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, Malaysia adalah satu (1) negara yang mengamalkan sistem kabinet di mana Ahli-ahli Badan Eksekutif sama ada di peringkat persekutuan atau pun di peringkat negeri di anggotai oleh parti politik yang memenangi pilihan raya. Di pilihan raya, bagi Badan Perundangan iaitu Parlimen di Peringkat Persekutuan, Dewan Undangan Negeri di Peringkat Negeri.

Dalam sistem sebegini, selain daripada mengubah undang-undang negeri atau pun dengan terminalogi yang lebih tepat iaitu enakmen Dewan Undangan ini juga mempunyai satu (1) fungsi yang cukup penting iaitu ...(dengan izin), *check and balance* atas pelaksanaan Badan Eksekutif iaitu kalau di konteks Dewan Undangan Negeri adalah pelaksanaan dasar oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan atau pun Yang Berhormat EXCO-EXCO untuk mengoptimumkan fungsi *check and balance* tersebut. Dewan Yang Mulia ini kita tidak harus, dan saya percaya dan saya menyerulah.. dan saya harap juga kita tidak terlalu terikat dengan kedudukan kita sama ada kita daripada Parti Pemerintah atau pun Parti Pembangkang.

Sekiranya kita bersetuju, selalu bersetuju dengan dasar-dasar atau pun pelaksanaan dasar oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan atau pun Yang Berhormat EXCO-EXCO kerana kita adalah daripada Pakatan Pemerintah atau pun kita sentiasa membantah atau pun membangkang kerana kita daripada Barisan Pembangkang, saya rasa pada akhir pertikaman lidah tersebut kemungkinan atau pun..kemungkinan kepentingan rakyat itu akan dikompromikan kerana kita terlalu terikat, minda kita terlalu terikat dengan kedudukan kita sama ada kita dari pembangkang atau pun pemerintah. Sekiranya pertikaman lidah ini, dalam Dewan ini, adalah berpunca daripada wujudnya beberapa perbezaan pandangan yang bernas dan perbahasan itu adalah untuk mencari satu (1) kesimpulan terhadap pandangan-pandangan yang bernas tersebut, saya yakin

perbahasan itu akan membuahkan satu (1) hasil yang boleh menguntungkan rakyat Pulau Pinang ini dan bermakna selagi Dewan yang mulia ini dapat memainkan satu (1) peranan *check and balance* ....(dengan izin), dengan *optimum* ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen):**

Sekejap lagi. Nasib dan kepentingan rakyat Pulau Pinang ini akan dipersiakan.

**YB. Tuan Speaker:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

YB. Tuan Speaker, saya ingin tanya wakil daripada Bukit Tengah iaitu setuju tak kami daripada Barisan Nasional ni walaupun pembangkang, kita juga mengemukakan hujah-hujah untuk sama-sama membantu rakyat dan tidak bertikam lidah semata-mata untuk mencari kesalahan dan sebagainya.

## **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Tuan Ong Chin Wen):**

Sama ada Ahli-ahli daripada Barisan Nasional berjaya memainkan peranan tersebut saya serahkan kepada rakyat Pulau Pinang untuk menilai...(gangguan)

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan pilihanraya yang umum pada 8 Mac lalu melihatkan rakyat Pulau Pinang ini inginkan satu (1) perubahan dan saya percaya perubahan yang rakyat dahagakan ini bukanlah satu (1) perubahan yang secara *superficial* ...(dengan izin), atau pun secara luaran sahaja. Malahan, rakyat Pulau Pinang ini mengharapkan satu (1) perubahan secara menyeluruh termasuklah perubahan terhadap struktur pemerintahan misalnya menghidupkan atau mengadakan semula Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Dalam sesi soal lisan semasa menjawab soalan yang ditunjukkan oleh YB. Pantai Jerejak semalam, YB. Padang Kota mengulangi pendirian Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan dan dalam menuju kearah tersebut, ia adalah tidak dinafikan bahawa terdapat halangan dari segi undang-undang seperti yang dijelaskan oleh YB. Padang Kota semalam, di mana ia perlu juga kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa terdapat juga taksiran undang-undang yang sedia ada ini yang membolehkan Kerajaan Negeri mengadakan Pilihanraya Kecil Tempatan tanpa perlunya pindaan terhadap Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cadangan sebegitu telah dinyatakan oleh dua (2) Pengamal Undang-undang semasa diminta pandangan oleh pemberita laman *web merdeka review* yang dipaparkan pada 22 April 2008. Antara cadangannya adalah dengan menggunakan seksyen satu (1) (4) Akta Kerajaan Tempatan di mana Kerajaan Negeri boleh melalui *gazette* untuk mengumumkan mana-mana seksyen dalam akta tersebut tidak terpakai dalam negeri ini. Ini adalah pandangan pengamal undang-undang dan saya tidak bercadang untuk menerusi dengan lebih telus dan saya percaya pihak YB. Padang Kota juga sedia maklum akan cadangan mereka tersebut dan telah meminta jawatankuasa yang di katakan ditubuhkan semasa forum perundingan untuk mengkaji perkara ini.

Sememangnya usaha untuk menghidupkan semula Pilihanraya Kerajaan Tempatan mempunyai beberapa halangan yang perlu kita atasi dan beberapa dan juga banyak perkara perlu memerlukan kajian secara mendalam dan saya percaya lebih penting kita perlukan satu (1) ...(dengan izin), *political will* yang cukup tinggi. Maka selaras dengan prinsip CAT yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini, saya bercadang agar satu (1) pelan tindakan dan juga bersama dengan jadual pelaksanaan pelan tindakan tersebut digariskan bagi rakyat jelata turut membantu kita memantau sejauh mana pelaksanaan usaha Kerajaan Negeri dalam menghidupkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan dan sementara itu dalam masa ini, sebelum Pilihanraya Kerajaan Tempatan dapat dilaksanakan saya juga bercadang agar Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, perlantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dapat dilaksanakan dengan lebih telus.

Antara langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan adalah seperti, satu, mengadakan temuduga terbuka dan kedua, kita nyatakan syarat kelayakan yang minimum untuk membolehkan mereka-mereka yang berminat menghadiri temu duga tersebut. Dan saya yakin langkah-langkah ini sememangnya selaras dengan prinsip CAT yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri ini. Dengan ini, saya menyudahi ucapan saya dengan ribuan terima kasih dan saya memohon untuk menyokong.

**YB. Tuan Speaker:**

Terima kasih. Yang Berhormat Tanjong Bunga. Ya, sila.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

YB. Tuan Speaker, salam sejahtera. Terima kasih kerana beri peluang ambil bahagian dalam perbahasan ke atas Ucapan TYT. Yang di-Pertua Negeri. Saya ingin membahar dengan kajian beberapa kes-kes yang benar-benar berlaku supaya boleh di beri perhatian oleh semua Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya fikir kita anak Pulau Pinang, kita memang mahu sebuah negeri yang mampang, negeri mampang. Dan kita juga mahu semua orang mengalu-alukan pembangunan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan, penjelasan. Boleh saya dapat pengertian "mampang" tu apa dia?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Mampang? *sorry ahh..sorry.. sustainable* ...(dengan izin). Faham? takpa, dia sengaja dengan niat jahat, tak baiklah... (gangguan). Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya tak ada niat jahat. YB. Tuan Speaker minta dia tarik balik.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Ini, ni pengertian.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Tarik balik, tarik balik la, Saya tak ada niat jahat. Saya baik punya orang. Hari ni saya baik duduk dengar saja. ..(gangguan).

**YB. Tuan Speaker:**

Teruskan, teruskan, dia bahasa Terengganu sikit.. (gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Okay, semua orang memang mengalu-alukan pembangunan yang baik pada masa dahulu tetapi kita kena ingat, demi kebaikan generasi baru, konsep mampang pembangunan adalah lebih bermanfaat kepada rakyat. Jadi, sudah kita faham pembangunan bandar boleh ditinjau dengan mengguna petunjuk bandar supaya mencapai tahap minima kualiti kemampanan bandar. Oleh yang demikian, adalah jelasnya petunjuk bandar adalah asas penilaian untuk menaiktaraf status bandar, alat mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada rakyat mahupun membaiki tahap perkhidmatan semua Pihak Berkuasa Tempatan.

Saya fikir semua jabatan kita selalunya berusaha untuk mencapai matlamat ini tetapi ada beberapa syarat-syarat yang tidak dipatuhi menimbulkan banyak masalah. Kerajaan Negeri Pulau



Pinang yang baru ini menerima pakai wawasan negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya antarabangsa yang menjadi pilihan destinasi semua pelancong pelabur dan penduduk tempatan yang sama-sama dapat menikmati kehidupan yang mampan. Maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan sistem pentadbiran CAT sebagai satu petunjuk unggul untuk mencapai matlamat dan wawasan negeri untuk mempertingkatkan tahap kehidupan kita. Itu tidaklah salah. Konsepnya yang akan saya kemukakan adalah untuk memastikan polisi-polisi dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada untuk dipatuhi dengan adil dan sempurna. Jika tidak ia perlu ubah suai dan ditambah di dalam Dewan yang mulia ini bukanya dengan kacau-kacau dan marah-marah.

Seterusnya saya hendak bincangkan pertalian di antara manusia dan alam sekitar. EIA, ...(dengan izin), kita semua fahamkan makna EIA. Ia sebagai satu alat untuk mempertingkatkan petunjuk dari sektor alam sekitar dan sektor guna tanah. Semua syarat-syarat perlu dipatuhi sebelum kebenaran kerja pembangunan diluluskan termasuk ambil bahagian dan pemantauan orang awam. Maka diseru supaya sebarang pembangunan sedang dalam proses atau dalam cadangan yang melibatkan hakisan bukit yang boleh memusnahkan ekologi harus mendapat kelulusan EIA dengan segera. Semua projek atau pembangunan di KADUN Tanjung Bunga, misalnya, memerlukan EIA yang mustahak itu kerana *ecological sensitive* nya, kerana KADUN Tanjung Bunga merupakan KADUN pelancongan, kerana ia merupakan satu *economic based* untuk Pulau Pinang. Jadi ia harus menjalan EIA yang sewajar dan juga pemantauan orang awam sebelum kebenaran kerja diluluskan. Kes seperti projek pembangunan *Town House* di kawasan Bukit Mutiara dan Projek Adilla di Mount Erskine yang tidak berkemampuan dari segi sosial dan persekitaran harus dipertimbangkan.

YB. Tuan Speaker, impak tebus guna tanah juga selalunya membawa isu seperti *coastal erosion and siltation*, ...(dengan izin), dan laut pelabuhan Pulau Pinang menjadi *the shallow* akibatnya ekonomi kita terjejas. Tebus guna tanah di Tanjung Tokong, misalnya *E&O Properties Seri Tanjung project*, ....(dengan izin), pada masa ini menimbulkan impak alam sekitar yang teruk di Gurney

Drive, semua boleh lihat. Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah jelas, kita kena bayar beribu-ribu ringgit untuk mendalamkan pelabuhan Pulau Pinang. Apa yang dikorek dari laut itu tidak dibuang di lautan antarabangsa tetapi dekat dengan perairan Batu Feringghi dan perairan Kuala Muda dan mencemarkan perairan kita di Batu Feringghi dan juga di Kuala Muda. Adalah dicadangkan supaya kerajaan PR untuk menubuhkan suatu *committee* kecil sendiri untuk mengkaji rancangan struktur dan menerima pandangan awam dan menyediakan cadangan-cadangan kepada Kerajaan PR supaya membuat perubahan kerana Rancangan Struktur Pulau Pinang yang terkini ini yang disediakan Kerajaan Barisan Nasional adalah tidak mencukupi dan tidak menyakinkan. Kelemahan ini memberi implikasi bahawa pelan tempatan yang belum diwartakan itu juga akan terpengaruh kualitasnya. Jadi ada satu prosedur yang boleh mengubah kesilapan ini iaitu melalui *Town and Country Planning Act Seksyen 11(1)* ....(dengan izin).

YB. Tuan Speaker, izinkan saya menyentuh berkenaan dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang disediakan dan diterima oleh pentadbiran Barisan Nasional yang lepas. Saya diberitahu oleh penduduk-penduduk di Tanjong Bunga terutamanya yang faham benar mengenai konteks Rancangan Struktur ini dan di kawasan Utara Pulau Pinang secara amnya berasa tidak senang hati dengan pembangunan yang tidak mampan. Telah berlaku beberapa tahun berakhir ini. Alam semula jadi dan bukit-bukau di Batu Feringghi, Tanjong Bunga dan kawasan pesisir pantai yang indah telah dicemar dengan pembinaan yang tidak dikawal dengan sebaik-baiknya. Keadaan ini juga menjejaskan sektor pelancongan khususnya di kawasan pantai utara Pulau Pinang yang merupakan kawasan pelancongan yang utama di Malaysia. Pentadbiran dahulu di bawah Barisan Nasional telah membenarkan kemerosotan kawasan pelancongan yang utama ini dengan tidak mengawal pembangunan dengan teliti, sempurna dan berkemampuan. Bangunan-bangunan pangsapuri yang melebihi 40 tingkat yang tidak pernah dibenarkan di negeri ini telah dibenarkan dibina di tepi pantai di kawasan yang dizonkan untuk pelancongan sahaja, di Tanjong Bunga. Bagaimana kita dapat mempromosikan eko-lancong dan sebagainya dengan pembangunan yang begitu berintensiti di kawasan sensitif alam sekitar.

YB. Tuan Speaker, kawasan pesisir pantai yang menghadap Tanjong Club di sebelah kelab bangunan Pulau Pinang telah ditebus guna tanah melebihi 40 kaki tingginya dan ini telah melanggar syarat-

syarat beberapa jabatan kerajaan. Tindakan ini telah menjejaskan *regatta* antarabangsa yang diadakan di kelab renang Pulau Pinang, mengikut aduan yang dibuat. Perkara ini aneh kerana pihak yang telah diberi geran tanah kerajaan atau TOL adalah sebenarnya tidak berhak kerana dia hanya merupakan penyewa tanah Tanjung Kelab dan bukan pemilik tanah seperti yang didakwa.

YB. Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada Rancangan Struktur 2020. Daerah Timur Laut telah mempunyai stok perumahan lebih 46,000 yang jauh mencukupi untuk menampung keperluan perumahan sehingga tahun 2020. Justeru itu keutamaan patut diberi untuk pembangunan sektor ekonomi pelancongan untuk mewujudkan pekerjaan bagi rakyat Negeri Pulau Pinang. Kawasan yang dizonkan untuk pelancongan harus dikhaskan untuk pembangunan hotel atau kemudahan pelancong sahaja dan tidak patut dibenar membina pangsapuri supaya kita dapat satu negeri yang mampan.

Terdapat juga pemaju yang tidak mematuhi syarat yang ditentukan perbandanan kerajaan tetapi tidak diambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani. Selalunya terdapat aduan dari penduduk-penduduk MM2H yang suka kawasan KADUN Tanjung Bungah. Pencemaran bunyi adalah satu-satunya yang amat dikhuatiri mereka kerana merosakkan kehidupan yang diinginkan mereka iaitu suasana yang sunyi dan tenteram. Malangnya satu kritik yang besar yang dibuat ke atas Pulau Pinang adalah pembangunan yang tidak selaras dan seimbang oleh kerajaan Barisan Nasional dan mengakibatkan masalah sosial dan persekitaran yang amat serius. Maka Rancangan Struktur Pulau Pinang yang terkini yang disediakan oleh kerajaan Barisan Nasional adalah tidak mencukupi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Sikit sahaja.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Ya, jangan panjang sangat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Cuma saya hendak tahu sedarkah bahawa sebenarnya Rancangan Struktur itu boleh dibantah, adakah Yang Berhormat membantah semasa dipamerkan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Ya, ada, tetapi saya tidak membuat bantahan bertulis, hanya melalui surat khabar. Okay? TNCPA itu Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 itu seharusnya berdemokratik dan berketelusan, terutamanya dalam memberi jaminan orang awam mengambil bahagian di beberapa peringkat dalam proses merangka atau mendrafkan kedua-kedua rancangan struktur dan pelan tempatan.

YB. Tuan Speaker, kesilapan yang dilakukan oleh pihak berkenaan telah menimbulkan interpretasi konflik dan menimbulkan konflik antara penduduk dan pemaju.

**YB. Tuan Speaker:**

YB. Tanjong Bunga, saya hendak menegur, di belakang ada menggunakan kamera, kita tidak boleh ada kamera, mungkin ada ahli-ahli yang baru masuk tidak tahu. Teruskan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Polisi satu orang satu rumah, saya fikir masih belum mencapai matlamatnya. Kita selalu menghadapi banyak masalah, setinggian di arah berpindah dan tidak mendapat pampasan yang sewajarnya dan arahan berpindah selalunya menyebabkan setinggian ditindas. Jadi saya berfikir satu *committee* harus ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah ini.

YB. Tuan Speaker, satu lagi kes yang saya ingin berbahas di sini iaitu memorandum Persatuan Penduduk Tanjong Tokong 2005 yang bertema Pembangunan Seimbang Kesenambungan di antara Tradisi dan Moden tidak pernah dilayani dengan baik oleh kerajaan BN Negeri Pulau Pinang yang lalu. Izinkan saya menyentuh kandungan memorandum itu di Dewan yang mulia ini supaya suara rakyat diberi peluang untuk didengari melalui saluran demokrasi di sini. Memorandum Persatuan Penduduk Kampong Tanjong Tokong 2005 dengan tema Pembangunan Seimbang Kesenambungan di antara Tradisi dan Moden dengan tujuan menangani masalah masa kini menyelesaikan masalah kepadatan penduduk, memohon

Kerajaan Negeri dan pusat membina projek perumahan mampu milik untuk golongan termiskin dan terpinggir dalam bandar.

Keduanya, menerajui masa depan, mempertahankan Kampung Tanjong Tokong sebagai Zon Warisan Melayu dalam bandar. Menaik taraf kampung ini menjadikan kampung tradisional, tersusun yang berwajah baru menerusi pembangunan semula bercirikan seni bina Melayu Nusantara.

Keempat, menaik taraf kemudahan asas dan melengkapkan kemudahan awam.

Kelima, memberi peruntukan kepada penduduk Tanjong Tokong untuk membangunkan semula kampung ini dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Keenam, memperuntukkan kawasan perumahan seluas 100 ekar di kawasan tebus guna yang baru bagi menghadapi ledakan pertumbuhan penduduk dan kelamin. Kampung ini telah menjadi terlalu padat dan sempit serta memerlukan tambahan kawasan.

Perkara-perkara ini dikemukakan kerana dalam memorandum ini penduduk Tanjong Tokong telah terabai dan terpinggir sekian lama sejak dari Rancangan Malaysia Pertama hingga Kelapan tanpa diberi sebarang peruntukan untuk memperbaiki taraf hidup dan mutu kehidupan mereka.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB. Tuan Speaker:**

Singkat sedikit.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Sedikit sahaja. Saya percaya dan yakin bahawa sekiranya Yang Berhormat Tanjong Bunga membawa usul ini kepada Dewan

yang mulia ini dan seterusnya bersetuju supaya Tanjong Tokong dikekalkan sebagai Zon Warisan Melayu dan kawasan nusantara kerana persetujuan itulah yang bermakna Yang Berhormat Tanjong Bunga membawa soalan ini kepada Dewan yang mulia ini. Bersetuju ya untuk mengekalkan Tanjong Tokong sebagai Zon Warisan Melayu dan kawasan Melayu Nusantara.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Tadi saya sudah jelaskan semua suara rakyat saya ingin beri peluang untuk didengari dalam Dewan saluran demokrasi ini untuk disidangkan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Bermakna Yang Berhormat bersetujulah supaya Tanjong Tokong dikekalkan sebagai Zon Warisan Melayu dan kawasan Melayu Nusantara.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Sekejap lagi saya teruskan mungkin ada jawapan di belakang. Boleh ya. Jadi perjuangan Persatuan Penduduk Kampung Tanjong Tokong ialah memberi rumah kepada golongan yang amat memerlukan rumah iaitu penyewa dan kelamin. Kekalkan hak milik rumah dan tanah kepada pemastautin dan penghuni asal dan diberitahu kini persatuan bangkit semula dengan gerak kerja baru memohon restu dan kelulusan pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat mewartakan Kampung Tanjong Tokong menjadikan zon warisan yang tidak boleh diganggu gugat oleh pembangunan komersial.

Jadi Persatuan Penduduk Kampung Tanjong Tokong dengan penuh takzim memohon restu dan ihsan Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi memperuntukkan dana khas RM 200 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-9 untuk pembangunan semula kampung ini dan kawasan sekitarnya. Tetapi dari ...

(gangguan), bagi saya habis dahulu. Amanat pemimpin yang catatkan dalam memorandum ini. Justeru untuk menjadi teras mereka yang lemah harus dibantu dan diperkuatkan sebagai satu amanah dan tanggungjawab sosial sebagai mana yang tadi ditegaskan oleh Ketua Pembangkang iaitu tanggungjawab sosial. Amanat ulama tersohor Sheikh Abdullah Fahim berkata begitu, “bila kita sudah merdeka nanti jangan ada pemimpin ambil kesempatan buat kekayaan di atas belakang rakyat” Itu dikongsikan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Penjelasan YB. Tuan Speaker, jadi saya hendak mintalah keputusan daripada Yang Berhormat nanti, YAB. Ketua Menteri supaya menjawab soalan ini. Bersetujukah Tanjong Tokong dikekalkan sebagai Zon Warisan Melayu seperti mana yang diminta oleh persatuan penduduk.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Saya habiskan dahulu. Saya akan jawab seterusnya. Jadi adakah Kerajaan Pusat mempunyai rancangan untuk mengkaji semula kampung Tanjong Tokong yang tiada dalam ruang Rancangan Struktur 2007 itu diwartakan sebagai zon warisan. Itu jawapan yang sebaliknya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Sekali lagi Yang Berhormat. Ulang sekali lagi.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Okay, adakah Kerajaan Pusat mempunyai rancangan untuk mengkaji semula Kampung Tanjong Tokong yang tiada dalam ruang Rancangan Struktur 2007 itu diwartakan sebagai zon warisan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Yang Berhormat Tanjong Bunga, saya akan menyokong usul ini tetapi haruslah diutarakan kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, saya minta kepastian daripada YAB. Ketua

Menteri sendiri tentang oleh apa yang disampaikan oleh persatuan itu dahulu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih, seterusnya YB. Tuan Speaker, memang dengan adanya George Town dinobatkan sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO. Kalau tuntutan Kampung Tanjong Tokong sebagai zon warisan diluluskan maka petunjuk bandar dari sektor pelancongan dan warisan akan menambahkan kredit kepada Negeri Pulau Pinang sebuah negeri mampang. *Clear and steady...*(dengan izin).

Yang Berhormat Tuan Speaker, baru-baru ini kita tahu sini banjir, sana ada ribut taufan, Chin Chuan ada gempa bumi. Hari ini dan semalam juga ada udara panas, kemarau di sesuatu tempat juga kekurangan makanan dan lain-lain lagi. Adalah malapetaka yang sering berlaku di merata-rata tempat di dunia setiap hari akibatkan

yang dimaksudkan *global warming*. Mungkin kepanasan dunia. *Global warming ...*(dengan izin) adalah satu fenomena kenaikan suhu dunia dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Saya fikir semua orang faham. Kita boleh memilih duduk dalam bilik berhawa dingin di sini dan tidak mengendahnya atau bertindak bersama-sama sekarang juga mengubah keadaan ini sebelum kita ditimpa bencana. Ini terpulang kepada kita sekalian. Walau bagaimanapun, sekalian diminta ambil berat untuk membuat perubahan cuaca sebelum kita diubahkan alam sekitar. Banyak perkara yang kita boleh menjalankan untuk mengubah cuaca yang kian hari kian panas ini. Kita faham karbon dioksida dituduhkan sebagai salah satu gas yang menyebabkan *global warming*. Memang selain daripada *karbon dioksida*, *methane* gas boleh mengeluarkan kepanasan 21 kali berganda daripada  $Co_2$ .

YB. Tuan Speaker, *methane gas* dikeluarkan oleh binatang, kebusukan tumbuhan dan sampah sarap serta pembakaran minyak. Satu lagi kenaikan suhu sedunia akan mengakibatkan perubahan persekitaran termasuk kenaikan air muka laut, mengacau seimbangan cuaca dan merubahkan kecorakan hujan sedang berlaku di negara kita. Misalnya dua tiga hari dahulu ada banjir di Tanjong Tokong dijangkakan negara kita akan menghadapi kenaikan suhu yang lebih tinggi membawa kepanasan menjelang 2025.



Kita akan kekurangan makanan, kenaikan harga barangan seperti sayur-sayuran, beras, makanan laut, buah-buahan dan daging diakibatkan kemarau yang berpanjangan dan banjir berturutan. Maka untuk mengurangkan kepanasan sedunia *global warming* ...(dengan izin) diberitahu, Dr. Ros telah memperkenalkan *garbage enzyme*. Enzim sisa pepejal menghasilkan lebih banyak ozon O<sub>3</sub> ke udara untuk mengurangkan CO<sub>2</sub> di udara. Enzim ini diproseskan dengan senangnya daripada sampah organik yang boleh didapati di dapur kita iaitu sisa-sisa buah-buahan dan kulitnya dan sayur-sayuran. Ozon yang dihasilkan daripada enzim sisa pepejal boleh mengurangkan *heavy metal* ...(dengan izin) di dalam awan. Seterusnya menurunkan kepanasan. Jadi menjaga suhu sedunia dan menyelamatkan dunia kita. *Garbage enzyme* ...(dengan izin) mula digunakan menggantikan *detergen* kimia yang sudah dikenal pastikan satu media yang mencemarkan air dan alam sekitar kita terutamanya sungai dan perairan laut.

Oleh kerana *garbage enzyme*...(dengan izin), itu adalah diperhasilkan daripada organik maka jikalau *garbage enzyme* diperguna dan menggantikan *de detergent* kimia bermula dari rumah dan dapur bila airnya mengalir ke sungai dan laut, ianya tidak akan membawa pencemaran ke alam sekitar. Ia juga telah dibuktikan berkesan untuk membersihkan tahi dan baunya di bidang penternak terutamanya khinzir. Adalah dicadangkan EXCO yang berkenaan untuk membuat kajian untuk menggunakan *garbage enzyme* yang berkesan ini.

Jikalau kita hendak menjadi negeri mampan, kita harus meninjau petunjuk dari sektor utiliti infrastruktur serta sektor pengangkutan dan aksesibiliti. Dua faktor ini adalah faktor yang teras bagi kemampuan sesebuah bandar atau negeri. Sistem pengangkutan awam di negeri kita amat membimbangkan. Kelemahan sistem ini telah menjejaskan ekonomi tempatan membawakan kesesakan jalan raya dan pencemaran udara dan juga menimbulkan masalah sosial. Akibatnya menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah negeri yang tidak *friendly*...(dengan izin) keseluruhannya. Sistem pengangkutan ke Bukit Bendera, saya fikir dan sudah bercadang kepada bekas kerajaan Barisan Nasional untuk menggunakan *escalator* atau yang telah dicadang atau di *design* ....(dengan izin) oleh Arkitek kawan saya. Satu skylator atau mungkin satu konsep baru untuk menambahkan satu lagi kecekapan pengangkutan ke Bukit Bendera saya fikir dan sudah bercadang kepada bekas Kerajaan Barisan Nasional untuk menggunakan

*escalator* yang telah dicadang atau di *design* oleh arkitek yang saya kawan saya satu *skylator* mungkin satu konsep baru untuk menambahkan satu lagi kecekapan pengangkutan ke Bukit Bendera, itu satu cadangan yang lama, maksud saya kita harus berfikir baik dan mengadakan rancangan yang baik untuk menjadikan Penang satu negeri yang mampang dan *friendly* ....(dengan izin).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid b. Saad):**

Penjelasan YB. Tuan Speaker, sedarkan Yang Berhormat bahawasanya tarikan yang utama ke Bukit Bendera adalah kerana *funicular train* nya itu yang menarik pelancong ke sana Kereta api Bukit Bendera bukannya benda lain, terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Ahli Pulau Betong, saya faham, *funicular train* di Bukit Bendera itu ada satu tanda menarik pelancongan, ia sudah 80 tahun tuanya, ia masih boleh berfungsi tetapi satu siasatan saya sendiri, itu salah dari segi manusia *maintenance* saya tidak kata saya tidak mahu *funicular train* itu maksud saya tambahan dengan *funicular train* itu dengan *skylator* ini dibina ditepi landasan *funicular train* dia tidak akan memusnahkan ekologi Bukit Bendera kerana tanah-tanah di tepinya sudah dibuka, itu sahaja yang saya hendak jelaskan. Infrastruktur jalan raya di Negeri Pulau Pinang ini juga tidak mementingkan hak pengguna basikal langsung. Ini untuk kawan-kawan dan rakyat yang suka berbasikal, di sini saya suarakan, termasuk saya sendiri untuk mempromosikan kesihatan, dan *green, Penang Green* ...(dengan izin), jalan atau laluan untuk basikal tidak pernah diberi perhatian untuk menggalakkan orang ramai menggunakan basikal sebagai alat di dalam bandar tidak wujud di Pulau Pinang ini. Jadi kita semua tahu dengan mengguna basikal kita akan dapat banyak manfaat itu sudah tetap dibuktikan yang membawa kesihatan mengurangkan pencemaran udara, mengelakkan kesesakan jalan raya di bandar, memberi pelancong peluang menikmati keseluruhan bandar semasa menaiki basikal dan lain-lain lagi.

YB. Tuan Speaker, maka ingin merayu kerajaan mempertimbangkan memberi kemudahan atau membina jalan raya

di Pulau Pinang *total friendly year* ...(dengan izin), di George Town untuk menghidupkan suasana George Town sebagai bandaraya Warisan Dunia UNESCO. YB. Tuan Speaker, semua orang faham kejayaan sesuatu itu tidak akan tercapai dengan lancar tanpa keikhlasan manusia untuk menjalankan semua rancangan mahupun peruntukan itu. Sekian, sahaja dikongsikan.

**YB. Tuan Speaker:**

YB. Tanjung Bunga telah berjaya kayuh basikal daripada Pulau Pinang ke Xiamen, China. Itulah isu basikal yang dibawanya. Seterusnya perbahasan, Yang Berhormat Telok Bahang, jadi kita tangguh perbahasan ini sehingga 30 minit. Jadi saya tangguhkan perbahasan ini sehingga esok, tangguh Dewan ini sehingga esok jam 9.30 pagi, 23 Julai 2008.

***Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang.***